

Bab 3

Orang Melayu dan Politik - Penelitian Sejarah dan Budaya Politik

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini ringkasan sejarah parti-parti politik Melayu utama akan dibentangkan. Ia akan disusuli dengan satu penelitian kritikal terhadap literatur berkaitan dengan objektif kajian, khususnya politik orang Melayu dan persoalan budaya atau nilai yang mempengaruhi tingkah laku politik. Tinjauan ini akan cuba melihat sama ada kajian dan penulisan sebelum ini pernah menyentuh persoalan budaya politik secara khusus atau tidak dan apakah aspek-aspek yang telah ditampilkan sekiranya persoalan budaya politik tersebut telah disentuh. Perhatian akan diberikan kepada persoalan nilai itu sendiri.

Daripada penelitian ini juga diharap sebahagian daripada nilai-nilai yang akan diuji dalam kajian ini dapat dipastikan.

Seterusnya ialah sedikit keterangan berhubung prestasi parti politik Melayu dalam pilihan raya yang boleh menunjukkan bagaimana berlaku peralihan sokongan daripada satu parti kepada parti yang lain terutama perbezaan dalam keputusan pilihan raya terakhir pada 1999, dengan pilihan raya sebelumnya. Di samping itu ialah huraian mengenai kelahiran satu lagi gabungan parti politik yang dikenali sebagai Barisan Alternatif (BA).

3.2 Politik Orang Melayu - UMNO dan PAS

Sejak sebelum kemerdekaan lagi, boleh dikatakan bahawa politik orang Melayu tidak dapat dipisahkan daripada kehadiran dan peranan dua parti politik yang didukung dan disokong oleh orang Melayu - UMNO dan PAS.

Parti-parti ini boleh dianggap sebagai pencernaan aliran-aliran politik yang wujud sejak kebangkitan kesedaran politik di kalangan orang Melayu di era moden. Parti-parti tersebut juga mengalami perubahan dalaman ke atas orientasi perjuangan sejak mula ditubuhkan sejajar dengan perkembangan semasa di peringkat global dan tempatan.

Sebelum menguraikan mengenai parti-parti ini terlebih dahulu sedikit latar belakang kepada kemunculannya perlu disentuh. Ini kerana parti-parti politik di Malaysia tidak lahir tanpa satu kesedaran berpolitik di kalangan masyarakat dan kelahiran UMNO dan PAS mempunyai latar belakang sejarahnya yang tersendiri.

Manifestasi kesedaran politik di kalangan orang Melayu boleh dinyatakan sebagai mewakili dua aliran yang wujud ketika itu. Secara amnya kesedaran politik bermula semasa zaman penjajahan Inggeris dengan bibit permulaannya di penghujung abad ke 19. Aliran-aliran ini dapat disebut sebagai aliran kanan dan aliran kiri.¹ Masing-masing aliran mempunyai kekuatannya yang tersendiri dan mendapat sokongan berbeza daripada rakyat. Aliran-aliran ini akhirnya menyalurkan hasrat politik menerusi parti-parti politik yang diwujudkan. Kejayaan sesuatu aliran dan parti yang ditubuhkan

¹ Antara sarjana yang mengemukakannya sedemikian ialah Roff (1967) dan Firdaus Abdullah (1985)

kemudian bergantung juga kepada layanan yang diterima daripada penjajah ketika itu.

Titik permulaan kesedaran politik Melayu dikatakan bermula dengan kelahiran semangat ‘islah’ dan semangat kebangsaan yang dibawa masuk dari luar. Gerakan Islah pada awal abad ke 20 merupakan kesan daripada perkembangan-perkembangan di Timur Tengah dan kemunculan tokoh-tokoh Islah di sana. Pelajar Melayu yang belajar di institusi terkenal, al Azhar, telah kembali membawa semangat yang sama dan cuba mengislahkan masyarakat di sini. Walaupun gerakan ini menekankan pengembalian kepada ajaran Islam tulin tanpa sahaman dan amalan khurafat serta bidaah, namun sedikit sebanyak ia menyentuh juga persoalan politik terutama apabila membicarakan institusi kepimpinan dalam masyarakat. Menerusi penerbitan seperti al-Imam, tokoh-tokoh Islah seperti Syed Sheikh al-Hadi dan Sheikh Tahir Jalaluddin cuba untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat².

Walaupun fokus perbicaraan gerakan Islah lebih kepada persoalan-persoalan kemasyarakatan dalam usahanya untuk membawa pembaharuan dalam pemikiran orang Melayu, namun aspek politik tidak diabaikan. Malah teguran-teguran terhadap institusi-institusi yang diwarisi sekian lama merupakan usaha untuk memberi kesedaran politik yang baru kepada orang Melayu yang beragama Islam.

Teguran terhadap elit politik ketika itu yang diwakili institusi Raja boleh dilihat sebagai kesinambungan kepada usaha-usaha oleh Abdullah Munsyi pada akhir abad ke 19 (Ariffin Omar, 1993:14). Walaupun gerakan Islah tidak bertahan lama namun peranan Islam dalam memberi kesedaran politik tidak dapat dinafikan (Firdaus

2 - Lihat misalnya Ariffin Omar (1993:14). Mengenai kelahiran gerakan Islah, kajian Roff (1967) juga amat relevan

Abdullah, 1985:30).

Semangat kebangsaan atau nasionalisme pula dikatakan bermula daripada beberapa institusi pendidikan seperti Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dan Maktab Perguruan Sultan Idris [SITC] (Funston, 1980:31). Dari sini juga lahir beberapa tokoh yang melahirkan hasrat orang Melayu untuk membebaskan negara daripada cengkaman penjajah. Beberapa pertubuhan telah lahir sekitar tahun 1930-an mewakili aliran kiri yang dianggap radikal iaitu Kesatuan Melayu Malaya (KMM) yang kemudiannya menjadi Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada pertengahan 1940-an.

Pada ketika itu gerakan kesedaran politik lebih tertumpu kepada PKMM yang juga dikira kiri dan radikal. Golongan konservatif yang dikira sebagai mewakili aliran kanan tidak menonjol. Golongan konservatif mewakili elit masyarakat terdiri daripada puak aristokrat dan merupakan penyambung tradisi kepimpinan masyarakat di sekitar institusi istana.³

Golongan konservatif kemudian melalui proses transformasi ke arah menubuhkan parti politik iaitu UMNO. Oleh itu UMNO dianggap sebagai sebuah parti yang bersifat konservatif. Mengenai ini Mohd Zulyadeen (1989:6) menyatakan bahawa “UMNO pada peringkat awalnya adalah sebuah organisasi politik yang agak kanan dalam ertikata tidak radikal dan bekerjasama dengan British...”

3 - Perbincangan mengenai aliran politik ini terkandung antara lain dalam Roff (1967), Firdaus Abdullah (1985) dan Khoo Kay Kim (1991)

UMNO

Kelahiran UMNO merupakan hasil daripada kemelut politik pada pertengahan 1940-an apabila pihak penjajah Inggeris cuba memperkenalkan gagasan Malayan Union sebagai cadangan entiti baru bagi Tanah Melayu ketika itu. Bantahan besar-besaran orang Melayu telah menyebabkan cadangan itu ditarik balik. Sebelum ia ditarik balik beberapa siri perjumpaan orang Melayu telah diadakan dan kesedaran mula timbul untuk menubuhkan sebuah organisasi politik bagi melindungi hak Melayu. Hasilnya cadangan penubuhan parti itu telah dikemukakan di Kuala Lumpur.

Ekoran daripada perhimpunan tersebut satu lagi perjumpaan telah diadakan di Johor Bahru. Ia dipanggil Kongres Melayu ke 2 dan telah diadakan pada 11 Mei 1946 di mana dengan rasminya UMNO telah ditubuhkan.

UMNO lahir daripada semangat orang Melayu hendak mempertahankan identiti mereka yang menghadapi ancaman terbesar dalam sejarah ketika itu. Kebangkitan orang Melayu merupakan tindakan untuk menyelamatkan hak ketuanan mereka dan penubuhan UMNO dilihat sebagai usaha mewujudkan sebuah organisasi politik yang berjuang untuk maksud tersebut. Kepimpinan UMNO dikuasai oleh mereka yang berlatar belakangkan elemen-elemen bangsawan selaku golongan elit dalam masyarakat. Mengenainya Kessler (1978:25) menyatakan,

UMNO is reflective of ... scions of old Malay political class...born to rule in their own society trained for that purpose by its colonial custodians, they mounted a largely defensive movement, protective primarily of the established order of Malay society

Chandrasekaran Pillay [Chandra Muzaffar] (1974:9), turut menyebut bahawa kepimpinan UMNO waktu itu merupakan golongan elit dalam masyarakat Melayu tradisional. Generasi baru Melayu yang tidak terikat dengan golongan aristokrat hanya muncul selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 dan perkembangan tersebut mula menghasilkan perubahan kepada ciri kepimpinan ini (Crouch,1996a:36)

Menurut Perlembagaan UMNO Fasal 3, UMNO ditubuhkan untuk ,

...berjuang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara (Perlembagaan UMNO, 2000:1)

Pengasas UMNO ialah Dato Onn Jaafar. Beliau merupakan seorang yang 'berasal dari golongan pembesar tradisional Melayu'(Ramlah Adam, 1998:11). Namun beliau meninggalkan parti itu setelah perwakilan UMNO tidak menerima cadangannya supaya keahlian UMNO dibuka kepada orang bukan Melayu.

Dato Onn telah menukuhan partinya sendiri, iaitu *Independence of Malaya Party* (IMP) selepas keluar daripada UMNO. IMP telah menyertai pilihan raya pada tahun 1955 tetapi mengalami kekalahan teruk. Disebabkan sambutan terhadap parti ini terlalu dingin ia terus hilang daripada pentas politik negara.

UMNO mendapat sokongan pada peringkat awal dan terus mempertahankan sokongan tersebut atas beberapa sebab. Sifat kebangsaannya dikatakan mempunyai kaitan dengan budaya politik Melayu itu sendiri sepetimana diutarakan oleh

Moore (1960:61),

As a communal party, UMNO, of course, derives its strength from the 'political culture' of the Malay community.

Budaya politik yang dimaksudkan oleh Moore (1960:62) ialah kepatuhan terhadap golongan elit tradisional Melayu. Ia merupakan lanjutan daripada budaya politik yang wujud sebelum kedatangan penjajah.

The pre-colonial traditional political culture of the Malays...remains a basic guide to Malay attitudes affecting politics in independent Malaya

Semangat kebangsaan yang didukung dan dipimpin oleh golongan tradisional aristokrat dilihat sebagai menyumbang kepada kekuatan UMNO,

The mobilization of the Malay community behind UMNO rests on two dynamic factors: the traditional acceptance of the leadership of the elite and the degree of penetration of the idea of cooperation/competition with the Chinese
(Moore, 1960:330)

Faktor lain yang membantu UMNO membina kekuatan ialah sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh penjajah Inggeris. Funston (1980:12) menyebut:

...it should be remembered that Britain harshly suppressed non-communist left-wing elements in the independence struggle, ensuring the succession of a group sympathetic of their interests; UMNO leaders were, in the words of Golay, 'the designated heirs of the colonial rulers'

Beberapa pengkaji dan penulis lain antaranya Kessler (1978), Chandra (1974) dan Syed Husin Ali (1979) juga menegaskan peranan penjajah dalam memperkuuhkan kedudukan UMNO.

Selain budaya politik tradisional yang dikekalkan oleh penjajah, yang membawa sokongan orang Melayu terhadap UMNO serta peranan penjajah sendiri untuk melihat UMNO terus hidup dan mendapat sokongan, faktor-faktor lain juga turut menyumbang kepada kekuatan parti tersebut. Apabila UMNO mendapat mandat untuk memimpin negara selepas mencapai kemerdekaan, ia sudah memadai untuk memantapkan lagi kedudukannya.

Namun faktor yang dirasakan paling utama ialah peranannya sebagai ‘pelindung’ kepada masyarakat Melayu. Idea ini terhasil sebenarnya ketika terjadi peristiwa penentangan terhadap Malayan Union. UMNO telah muncul untuk melindungi kepentingan orang Melayu ketika itu. Peranannya sebagai ‘pelindung’ diperkatakan oleh beberapa pengkaji seperti Chandra Muzaffar (1979), Nair (1997:17), Harold Crouch (1996a:27) dan Ahmad Atory Hussein (1998:187).

Kedua ialah faktor penaungan. Oleh kerana UMNO dilihat sebagai pelindung ia turut memberi kesan kepada peranannya sebagai penaung. Crouch (1996a:27) menyatakan:

much of UMNO's appeal lay in its patronage dispensing function

Politik naungan dalam UMNO ini turut menjadi tumpuan kajian Mohd

Ali Kamarudin (1998). Menerusi penaungan, UMNO dengan mudah dapat membina sokongan yang luas, lebih-lebih lagi selepas pelancaran Dasar Ekonomi Baru yang membuka lebih banyak peluang untuk amalan tersebut.

Misalnya Shamsul (1988:172-173) menerangkan bagaimana politik penaungan ini dimanifestasi,

... were not only labels but often became the 'key phrases' which opened or terminated a business or any other discussion, guaranteed or denied an individual getting a contract or a scholarship, and expedited or delayed an application for a job, a licence, or even a transfer of a school teacher from an ulu (remote) to an urban school and vice versa

Ketika menjalankan kajiannya di Kedah, Scott (1985) turut mendapati politik penaungan ini berjalan lancar di kawasan kajiannya. UMNO juga mendapat sokongan hasil daripada kuasa yang dipegangnya. Sokongan dapat dikekalkan kerana dasar dan pentadbiran negara adalah di bawah penguasaanya. Ini merupakan hasil budaya politik yang diwarisi, yang meletakkan kepatuhan pada mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi. Ia ditambah dengan amalan '*authoritarianism*'. Sepertimana disebut oleh Crouch (1992:27), amalan ini menjamin ia kekal sebagai parti utama,

Increasing authoritarianism reinforced pre-eminence of UMNO

Di tempat lain beliau (1996a:130) menyebut,

UMNO's domination of the political system was backed by the elite's domination of the institutional pillars of the state: the bureaucracy, the armed forces and the police, the judiciary, and, at the symbolic peak, the monarchy

Menerusi peranannya sebagai ‘pelindung’, penaungan yang diamalkan dan menerusi kuasa dan *authoritarianism*, UMNO bukan sahaja memperoleh sokongan tetapi dapat memastikan kuasa ini terus dipegangnya.

UMNO dan Krisis Dalamannya

Walaupun kelahiran UMNO merupakan natijah daripada kesungguhan orang Melayu mahu bersatu bagi menghadapi ancaman terhadap identiti dan survival mereka, namun parti politik ini tidak terlepas daripada tekanan dalaman, keretakan, perpecahan dan kemelut politik sejak ditubuhkan.

Sejak penubuhannya, UMNO telah beberapa kali mengalami tekanan yang akhirnya melahirkan parti baru. Setiap tekanan yang serius mendorong parti tersebut kepada krisis dan akhirnya membawa kepada perpecahan yang agak ketara, seperti perpecahan pada tahun 1980an dan krisis pasca September 1998. Malah Kessler (1978:328) berpendapat bahawa pertentangan dalaman telah terjadi pada sepanjang sejarah UMNO.

Sekurang-kurangnya empat krisis besar dapat dikesan yang menimbulkan pergolakan dalam politik negara. Ia bermula dengan krisis pasca era Tunku, antara 1975 dan 1977, pada zaman Hussein Onn, diikuti krisis lebih besar sepanjang dekad 1980-an. Krisis pertama tahun 80-an ialah perebutan kuasa yang terjadi antara 1981-1985 di mana pada kemuncaknya Musa Hitam, Timbalan Presiden UMNO, telah meletakkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1986.

Ini disusuli tidak lama kemudian dengan krisis perebutan kepimpinan parti pada 1987 yang berkesudahan dengan pengharaman UMNO itu sendiri oleh mahkamah (Syed Ahmad Hussein, 1999:10). Ekoran pengharaman tersebut, Dr Mahathir, pemimpin UMNO yang kelima yang menjadi presiden parti yang baru diharamkan itu, menubuhkan parti baru sebagai penggantinya dengan nama UMNO Baru. Penentang-penentangnya tidak diterima menganggotai parti ini. Natijahnya kumpulan yang tewas dalam pemilihan UMNO sebelum ia diharamkan, menubuhkan satu parti lain pula, iaitu Semangat 46, pada tahun 1989 dibawah kepimpinan Tengku Razaleigh Hamzah. Parti tersebut kemudiannya menukarkan namanya kepada Parti Melayu Semangat 46 (PMS 46).

Krisis terakhir berpunca daripada kes pemecatan Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti pada bulan September 1998. Krisis ini berlarutan sehingga pertengahan tahun 2001.⁴ Akibat krisis ini juga ramai ahli UMNO telah keluar daripada parti tersebut dan sebahagiannya telah turut terlibat dalam penubuhan parti baru iaitu Parti Keadilan Nasional (PKN) pada April 1999.⁵

Dua daripada empat krisis ini telah membawa kepada perpecahan yang agak serius iaitu krisis perebutan kuasa tahun 1987 dan krisis selepas pemecatan Anwar Ibrahim pada tahun 1998.

PMS 46 telah menyertai dua pilihan raya iaitu pada 1990 dan 1995. Parti ini akhirnya hilang pengaruh dan dibubarkan pada Oktober 1996 dengan pemimpin dan

4 - Suasana tekanan ke atas UMNO berlanjut sehingga pertengahan 2001. Selepas itu, ia semakin berkurangan ekoran beberapa tokoh PKN ditahan di bawah ISA. Ini disusuli dengan peristiwa serangan 11 September 2001 ke atas Amerika Syarikat yang memberi kesan terhadap gerakan-gerakan yang menentang kerajaan

5 - Iuranian lanjut mengenai kelahiran PKN dinyatakan di bawah "Berisan Alternatif". Lihat 3.5, halaman 178 di bawah

sebahagian ahlinya kembali ke pangkuhan UMNO. PKN (Parti Keadilan Nasional) telah menyertai dua pilihan raya umum iaitu pada 1999 dan 2004 serta beberapa pilihan raya kecil yang telah diadakan antara keduanya.

UMNO sebagai parti utama dalam gabungan Barisan Nasional yang memerintah sentiasa menjadi perhatian kerana sebarang pergolakan yang terjadi di dalamnya turut memberi kesan kepada politik negara seterusnya (Shamsul,1988). Menerusi parti ini beberapa dasar penting telah diwujudkan, misalnya, DEB yang dilancarkan selepas peristiwa rusuhan kaum pada 1969. Disebabkan ia menjadi parti utama dalam BN dan kerajaan ia mempunyai pengaruh besar ke atas setiap dasar yang diadakan.

Perbincangan mengenai UMNO perlu juga melihat kepada hubungannya dengan Islam. Dalam konteks ini ia merujuk kepada politik Muslim dalam negara ini. Pertentangan antara dua parti Melayu, UMNO dan PAS, adalah di atas sebab faktor Islam - iaitu satu persaingan lama di antaranya bagi mewakili Islam di kalangan Muslim di negara ini. Oleh kerana agama merupakan nilai utama di kalangan orang Melayu⁶, siapa yang mewakili agama di negara ini menjadi satu persoalan penting bagi parti-parti politik Melayu. UMNO dan PAS masing-masing mempunyai pendekatan dan cara tersendiri bagi menangani persoalan ini. Mutakhir ini persoalan Islam menjadi kritikal dalam pertarungan antara dua parti tersebut.

Dalam konteks politik Muslim⁷ di Malaysia UMNO dilihat sebagai,

6- Flurian mengenai nilai agama ini telah dibuat dalam Bab 2 di atas

7 - Istilah ini dipinjam daripada Syed Ahmad Hussein (1999)

satu percampuran pragmatis di antara ideologi pembangunan, nasionalisme Melayu, liberalisme yang dikawal dan apa yang didakwanya sebagai ‘Islam progresif’. Mereka mungkin lebih tepat digelar Muslim liberal (Syed Ahmad Hussein, 1999:3)

UMNO melihat PAS sebagai musuh politik utamanya kerana PAS turut membicarakan agenda Islam. Walaupun pada mulanya UMNO tidak memberi perhatian sangat kepada Islam malah dalam memorandum Perikatan kepada Suruhanjaya Reid yang menggubal perlembagaan negara ia telah menekankan perlunya dikekalkan sifat sekular negara Malaysia (Funston, 1980:146)⁸, ini nampaknya mula berubah. Perubahan ini mungkin dilihat sebagai kosmetik seperti dalam rancangan ‘penerapan nilai-nilai Islam’ yang menjadi dasar kerajaan dan pengisytiharan Dr Mahathir bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam (*Islamic State*) pada 29 September 2001⁹. Namun seperti yang ditegaskan oleh Syed Ahmad Hussein (1999) ia merupakan satu anjakan daripada sifatnya yang dilihat sebagai nasionalis-sekularis tulen sebelum ini.

Pada pilihan raya umum ke 10 yang diadakan pada 29 November 1999, UMNO telah hilang sokongan orang Melayu sepertimana yang telah diutarakan oleh ramai pengkaji dan penganalisis¹⁰. Ini menimbulkan persoalan-persoalan mengenai kerelevan UMNO dalam konteks sekarang dan isu yang utama ialah kedudukannya dalam konteks Islam. Ini kerana UMNO hilang sokongan yang berpindah pula kepada PAS - parti yang menjadi musuh UMNO kerana isu Islam yang dipertikaikan.

⁸ - Mohamad Abu Bakar (2002:173-174) turut mengemukakan beberapa kenyataan berhubung penolakan pemimpin-pemimpin UMNO terhadap perubahan Negara Islam di Malaysia.

⁹ - Mingguan Malaysia 30 September 2001

¹⁰ - Antaranya Maznah Mohamad (2001a,2001b,2000,1999) dan Chandra Muzaffar (2001).

Ekoran keputusan pilihan raya itu juga pemimpin-pemimpinnya didesak melakukan ‘reformasi dalaman’ sekiranya hendak kembali mendapat sokongan orang Melayu.¹¹ Selama ini UMNO terus menguasai sokongan orang Melayu pada setiap pilihan raya kecuali pilihan raya 1959 dan 1969.

Selepas terjadinya peristiwa 11 September 2001 di Amerika Syarikat pula, nampaknya UMNO mendapat suntikan baru untuk kembali menarik sokongan orang Melayu/Islam. Isu keganasan (*terrorism*) yang semakin dihebohkan dan dikaitkan dengan kumpulan-kumpulan Islam telah dieksplotasi sepenuhnya bukan sahaja oleh mereka yang mengambil kesempatan daripada keganasan yang dilakukan, malah telah menjadi senjata UMNO untuk menyerang PAS.

Beberapa penangkapan di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) terhadap mereka yang disebut sebagai militan yang hendak menggunakan kekerasan mengguling kerajaan atas nama Islam, telah membantu UMNO dalam menghadapi saingan terdekatnya, PAS, dengan harapan sebahagian daripada sokongan yang telah ia kehilangan akan kembali kepadanya.

PAS

Permulaan kesedaran politik Muslim boleh dikesan pada gerakan Islah seperti yang diterangkan di atas (lihat halaman 112). Walaupun tidak bertahan lama kesedaran untuk menghidupkan politik Muslim (*political Islam*) terus wujud di sanubari mereka yang berada di sekitar institusi pendidikan Islam yang merupakan pusat kegiatan

¹¹ - Penganalisis-penganalisis ini (dalam nota 10 di atas) juga menyarankan sedemikian

Islam dan politik. Kelahiran Majlis Agama Tertinggi Tanahair (MATA) dan Hizbul Muslimin di Madrasah Ihya Gunung Semanggol pada 1948, menunjukkan betapa persoalan politik Muslim diberi perhatian oleh orang Melayu yang beragama Islam.

Hizbul Muslimin telah diharamkan dan pemimpin-pemimpinnya ditangkap. Selepas pengharaman Hizbul Muslimin, berlaku seolah-olah satu kekosongan dalam politik Muslim¹² di negara ini. Kekosongan tersebut cuba diisi menerusi usaha-usaha para ulama dan aktivis Islam ketika itu agar ditubuhkan satu pertubuhan yang boleh memenuhi tuntutan Islam di negara ini.

Dalam UMNO sendiri wujud bahagian agama yang dipanggil Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Pelajaran UMNO (Nasharudin Mat Isa, 2001:4-5). Hasil beberapa pertemuan yang dianjurkan oleh aktivis Islam dalam UMNO pada mulanya dan disusuli pertemuan yang lebih menyeluruh melibatkan mereka di luar UMNO, Persatuan Islam seMalaya telah ditubuhkan.¹³ Tarikh penubuhannya dikatakan adalah pada 23 Ogos 1951 (Syed Ahmad Hussein, 1999:11), tetapi ada juga yang menyatakan perasmian parti baru ini berlaku pada 24 November 1951 (Syed Ahmad Hussein, 1999:12). Ustaz Ahmad Fuad telah dilantik sebagai Yang Dipertua PAS yang pertama.

Menurut perlumbagaan parti tersebut tujuan ia diwujudkan ialah untuk

memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah, dan, mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara (Perlumbagaan PAS, 1994:2)

12 - Politik Muslim di sini merujuk kepada apa yang dijelaskan oleh Syed Ahmad Hussein (1999) dalam makalahnya. Lihat nota 7 di atas

13 - Menurut Syed Ahmad Hussein (1999:7) bekas pemimpin Hizbul Muslimin adalah antara pengasas PAS

Pada peringkat awal perjuangannya, PAS dilihat menggabungkan Islam dan nasionalisme, kerana pada ketika itu isu utama ialah mencapai kemerdekaan dan mempertahankan hak-hak orang Melayu (Syed Ahmad Hussein, 2002:7). Malah di zaman kepimpinan Dr Burhanuddin al Helmy, pemimpin PAS yang ketiga, terjadi seolah-olah satu sintesis antara Islam, demokrasi, nasionalisme dan sosialisme (Kamaruddin Jaafar, 1980). Namun ideologi Islam yang cuba dibawa oleh PAS masih tetap dipelihara, seperti yang disebut oleh Shafie Ibrahim (1981:94):

The most common features of ideological expression of the party are based on Islam. Islam is its ultimate aim. Any action must be justified by the doctrine of this religion. The party looks at Islam as an organic whole. It means that the PAS believes in all the teachings of Islam and adopts them as its complete ideology. It does not believe in parts but in the totality...

Di peringkat awal perkembangannya sehingga ke pilihan raya 1969, PAS berdiri sendiri untuk menentang UMNO dan Perikatan dengan menggunakan pentas Islam dan Melayu. Pada pilihan raya 1959, parti tersebut memenangi Kelantan dan Terengganu walaupun Terengganu terlepas juga akhirnya apabila beberapa wakil dalam DUN telah keluar daripada parti tersebut dan menyertai UMNO.

Selepas peristiwa rusuhan kaum pada 1969 dan penubuhan Barisan Nasional oleh Tun Abdul Razak, PAS telah menerima pelawaan Tun Razak untuk membentuk kerajaan campuran dengan gabungan BN. Namun kerjasama ini tidak kekal lama dan PAS telah disingkir pada 1977. Sejak itu PAS tidak lagi mengadakan pakatan atau kerjasama dengan parti pemerintah tersebut.

PAS juga pernah mengalami tekanan dan keretakan yang akhirnya

membawa kepada kelahiran beberapa parti serpihan. Ia bermula selepas krisis 1977 yang menyebabkan PAS disingkir daripada kerajaan campuran¹⁴. Menjelang pilihan raya DUN Kelantan pada Mac 1978 yang diadakan ekoran pengisytiharan dharurat di negeri tersebut, beberapa penyokong bekas menteri besar Kelantan, Muhammad Nasir, telah keluar daripada PAS dan menubuhkan parti BERJASA.

Kemudian pada 1982, PAS sekali lagi mengalami keretakan apabila orientasi parti menuju ke arah Islam fundamentalis. Mereka yang tidak mendapat tempat dalam parti tersebut yang dipimpin oleh bekas pemimpinnya, Dato Mohamad Asri, telah keluar dan menubuhkan Hizbul Muslimin (HAMIM).

Pada tahun 1989, PAS telah menjalin hubungan kerjasama dengan Parti Melayu Semangat 46, - parti serpihan UMNO - selepas terjadi krisis UMNO pada tahun 1987/1988. Sekali lagi sebilangan ahli yang tidak menyetujui keputusan tersebut telah keluar dan menubuhkan gerakan yang dinamakan ‘Islah’. Tujuan kumpulan ini dikatakan hendak mengembalikan PAS ke ‘perjuangannya yang asal’¹⁵ Bagi kumpulan ini bekerjasama dengan Semangat 46 yang dilihat sebagai serpihan UMNO dianggap terkeluar daripada perjuangan menegakkan Islam yang sepatutnya menjadi agenda perjuangan PAS.

Walaupun PAS meletakkan Islam sebagai ideologinya namun terdapat beberapa fasa dalam perjuangannya yang memperlihatkan penekanan kepada ideologi

14 - Menurut Abu Bakar Hamzah (1992), kerjasama PAS dengan BN bukan penyertaan PAS dalam BN. Ini dapat diperhatikan pada dokumen perjanjian antara kedua-dua pihak yang bermula dengan kenyataan, “PAS melalui kerajaan campuran Perikatan -PAS berazam membentuk negara Malaysia ini menjadi sebuah negeri yang aman damai ...” (hal.23)

15 - Maklumat diperolehi daripada Naib Presiden PAS, Haji Hassan Shukri pada Jun 2001

lain yang dibawa seiring dengan Islam. Idea sintesis antara Islam reformis, demokrasi, nasionalisme dan sosialisme yang dibawa oleh Dr Burhanuddin - pemimpin ketiga PAS - menguasai orientasi ideologi PAS untuk lebih dua dekad (Syed Ahmad Hussein, 2002:85). Perjuangan PAS untuk membawa Islam secara *fundamental* lebih jelas selepas Dato' Asri, pemimpin PAS yang keempat, digantikan oleh apa yang digelar "kepimpinan ulama" pada tahun 1983.

Walaupun matlamat perjuangan PAS adalah untuk menubuhkan apa yang dikatakan sebagai Negara Islam atau *Islamic State* (Funston, 1980:147) namun sistem pemerintahan Islam tersebut masih belum jelas, kecuali dalam beberapa gagasan yang pernah dikemukakan. Antaranya ialah oleh Zulkiflee Muhammad, timbalan kepada Dr Burhanuddin, di mana beliau menjelaskan,

...an Islamic state would not be a theocratic state as Islam does not allow special privileges to the religiously learned in ordering secular affairs. In political, economic and social affairs Islam offered basic guiding principles only (Funston, 1980:148-149)

Pemimpin PAS yang keenam, Fadzil Noor, turut menggariskan negara Islam yang ingin dibentuk oleh PAS iaitu,

...antara lain mengandungi konsep masyarakat *madani* dan negara *hadhari* (tamadun), prinsip kesaksamaan, kedaulatan undang-undang berdasarkan syariat dan pemerintahan berteraskan keadilan (Harakah, 16-30 Jun 2002)¹⁶

¹⁶ - Selain itu beliau juga menyatakan Negara Islam cadangan PAS tidak akan membezakan rakyat Islam dengan bukan Islam kepada dua kelas - Islam dan zimmi seperti yang dicadangkan oleh UMNO (Harakah, 16-31 Januari 2002) Lihat juga Wan Zahidi Wan Teh, (2002) Malaysia adalah sebuah Negara Islam, Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur

Pembentukan Negara Islam tidak dilakukan segera malah saranan demikian pernah ditolak dalam perhimpunannya pada 1954 lagi (Syed Ahmad Hussein,2002:85). Pada bulan November 2003, PAS telah melancarkan buku kecil yang menerangkan gagasan Negara Islamnya.¹⁷

Sebagai parti pembangkang, PAS pernah dan terus berusaha untuk mewujudkan kerjasama politik bagi menghadapi pilihan raya. Sejak pilihan raya 1978 sehingga 1986 prestasi PAS secara keseluruhannya tidak membanggakan - selain gagal kembali menguasai Kelantan, di tempat-tempat lain juga ia tidak dapat mengubah keadaan. Ini mendesaknya supaya menjalin pakatan atau persefahaman dengan parti pembangkang lain sekiranya mahu melihat penguasaan UMNO dan BN dikurangkan.

Kerjasama sebegini terserah pada hujung 1980-an dan nampaknya usaha seperti itu akan terus wujud sebagai pilihan politik parti ini. Namun matlamatnya untuk menubuhkan Negara Islam menyebabkan parti-parti lain yang bergabung dengannya resah lantaran parti-parti tersebut berjuang untuk mempertahankan sekularisme yang ditolak oleh PAS sendiri. Walau bagaimanapun usaha menjalin kerjasama politik berhasil juga apabila pada tahun 1990 PAS mengadakan pakatan dengan PMS 46, Berjasa dan Hamim bagi menentang BN. Pakatan ini dinamakan Angkatan Perpaduan Ummah atau ringkasnya APU.

Menerusi kerjasama ini PAS meraih sokongan lebih besar dalam pilihan raya 1990 dan berjaya merampas kembali Kelantan daripada BN. Kerjasama dalam APU berterusan sehingga PMS 46 sendiri dibubarkan pada 1996.

17 - Ia dinamakan 'Dokumen Negara Islam'. Lihat Dokumen Negara Islam (2003) Parti Islam SeMalaysia, Kuala Lumpur

Kali kedua kerjasama dengan pembangkang lain diadakan ialah selepas peristiwa September 1998. Dengan kelahiran sebuah parti politik berasaskan orang Melayu, iaitu PKN (Parti Keadilan Nasional) suasana politik waktu itu mendesak supaya parti-parti pembangkang bergabung untuk menghadapi BN. Kerancakan gerakan reformasi turut mendorong ke arah tersebut. Akhirnya PAS mempelopori penubuhan pakatan pembangkang yang dinamakan Barisan Alternatif¹⁸. Perkembangan menarik dalam pembentukan pakatan ini ialah kesanggupan DAP untuk turut serta walaupun menentang hasrat PAS untuk menuju Negara Islam.

Barangkali kesanggupan kedua-dua parti pembangkang terbesar untuk bergabung dalam satu pakatan ialah kerana menerima asas utama penubuhan BA itu sendiri, iaitu untuk “melahirkan negara Malaysia yang makmur dan adil berdasarkan sistem pemerintahan demokratik tulen”.¹⁹ Persoalan mengenai Negara Islam tidak disentuh dalam manifesto pilihan raya 1999.

Kerjasama ini diteruskan sehingga DAP mengambil keputusan berundur daripadanya pada 13 September 2001 kerana kenyataan PAS bahawa ia akan tetap membentuk Negara Islam sebagai matlamat politiknya.

Sokongan orang Melayu terhadap parti ini antara lain ialah kerana kepercayaan sebahagian mereka mengenai ideologi Islam yang dibawanya. Namun dalam konteks ini ia terpaksa berhadapan dengan UMNO yang turut mengemukakan program Islamnya yang tersendiri.

18 - Mengenai Barisan Alternatif lihat halaman 178 di bawah

19 - Dalam manifesto BA menghadapi pilihanraya 1999, disebut juga bahawa ‘masyarakat adil dan demokratik itu mestilah dibina atas asas nilai-nilai rohani dan akhlak yang tersimpul dalam ajaran Islam dan ajaran-agama lainnya. (Ke Arah Malaysia Yang Adil, Manifesto Bersama, Oktober 1999)

Pada masa ini UMNO dan PAS masih kekal sebagai dua parti Melayu yang mempunyai kedudukan penting dalam politik orang Melayu. Syed Ahmad Hussein (2002) merumuskan bahawa apa yang sedang berlaku di Malaysia ialah satu pertemuan dalam politik Muslim di Malaysia - UMNO menuju kepada Islamisasi yang lebih tinggi dan PAS kepada demokrasi yang lebih tinggi (2002:102). Walaupun UMNO mengalami ‘kekalahan’ dalam pilihan raya umum 1999 namun sebagai “sebuah parti politik ia telah membuktikan ia mampu kembali secara pragmatik menurut zaman dan keadaan yang telah berubah”(2002 :103).

3.3 Budaya Politik Melayu - tinjauan kritikal beberapa kajian dan penulisan

Pelbagai aspek politik orang Melayu boleh diperihalkan dengan meneliti kajian-kajian dan tulisan-tulisan mengenai sejarah orang Melayu, sistem pemerintahan, kepimpinan, institusi, struktur dan organisasi masyarakat, sosialisasi, kebudayaan, persepsi, sikap, nilai, kepercayaan dan agama mereka. Banyak penulisan telah dihasilkan mengenainya – baik yang bersifat umum mahupun khusus yang menyentuh aspek-aspek yang telah disebutkan ini. Malah sebahagian besar penulisan popular mengenai isu politik semasa turut memperlihatkan kecenderungan penulis untuk membicarakan persoalan-persoalan politik orang Melayu.²⁰

Kajian ini melihat nilai-nilai orang Melayu secara khusus dan hubungannya dengan tingkah laku politik mereka. Tingkah laku tersebut diperhatikan

²⁰ Antaranya tulisan-tulisan oleh Mahathir Mohamad (1982), Hussain Mohamed (1993, 2000) Chung Kek Yoon (1987), Rahman Shawi (1989), Hari Singh (1991) dan Hatta al Mukmin (1998)

menerusi kajian kes di sebuah bandar raya Melayu dan merujuk kepada ciri-ciri ‘perubahan’ politik iaitu peralihan sokongan politik dalam pilihan raya yang telah diadakan. Ia merupakan usaha menggambarkan budaya politik Melayu secara lebih umum. Bab ini akan menyorot kedua-dua aspek tadi – aspek nilai dan aspek politik dengan tujuan mendapatkan gambaran lebih tepat mengenai nilai-nilai yang terdapat dalam tingkahlaku politik yang memungkinkan masyarakat yang dikaji itu bertindak melakukan apa yang dilihat sebagai satu ‘perubahan’.

Pada masa yang sama ia turut menunjukkan sumbangan pengkaji dalam aspek budaya politik lokal – di kalangan orang Melayu - dan menerusinya cuba mengesan ruang-ruang yang masih belum dikaji tetapi perlu diberi perhatian. Kepentingan kajian ini sendiri akan terserlah setelah ruang-ruang tersebut dibincangkan. Usaha mengkaji nilai-nilai politik dan tingkahlaku politik sebegini diharap dapat memberi sumbangan kepada usaha memperlengkapkan bahan-bahan mengenai politik orang Melayu dan kecenderungan-kecenderungan yang bakal dihasilkan.

Perbincangan ini akan menunjukkan skop yang masih perlu diteliti – khususnya dalam konteks keperluan untuk membuat kajian mengenai nilai dan hubungannya dengan tingkahlaku politik. Sorotan ini dapat mencadangkan satu senarai nilai utama yang terdapat dalam tingkahlaku, seterusnya nilai-nilai ini diuji menerusi tinjauan untuk melihat sama ada ia masih dipegang. Dalam melihat kajian dan penulisan mengenai masyarakat Melayu dalam dunia politiknya salah satu aspek penting ialah fenomena nilai dalam tingkahlaku politik. Apakah terdapat bahan-bahan yang mempersebahkan secara jelas nilai-nilai yang beroperasi mempengaruhi

tingkahlaku politik sehingga paparan mengenai budaya politik boleh menjelaskan bagaimana masyarakat akan bertindak sekiranya berhadapan dengan sesuatu situasi yang telah berubah?

Selain itu tingkahlaku tersebut diperhatikan juga pada pemilihan terhadap sesuatu parti politik yang sesuai dan seiring dengan kehendak masyarakat iaitu selari dengan nilai-nilai yang dipegangnya. Pemerintahan dan dasar yang disokong turut melibatkan persoalan nilai kerana ia menyentuh soal ‘pemilihan’. Faktor nilai menjadi kritikal kerana apa pun isu yang dibangkitkan mahu pun dasar yang hendak diadakan oleh parti-parti yang bertanding, ia mengambil kira nilai-nilai yang sedia wujud. Ini kerana nilai-nilai tersebut berperanan dalam menentukan mana satukah pilihan politik yang akan diterima. Bagi parti politik itu sendiri, persoalan utama ialah penerimaan masyarakat terhadapnya dan bagaimana ia hendak meraih sokongan. Dalam keadaan-keadaan ini nilai menjadi amat penting.

Daripada tinjauan literatur ini akan diketahui sama ada wujud atau tidak kajian atau penulisan yang membicarakan secara khusus persoalan nilai dan hubungkaitnya dengan tingkahlaku politik.. Bahagian pertama akan menyentuh sedikit latar belakang sejarah politik Melayu. Kemudian kajian atau penulisan yang membincangkan politik orang Melayu daripada beberapa aspek seperti penyertaan politik, kepimpinan, institusi atau budaya antara lainnya - diperihalkan. Senarai nilai yang dikemukakan di akhir bab ini diperolehi daripada pembacaan sebahagian kajian dan penulisan tersebut. Akhir sekali ulasan ringkas dilakukan terhadap bahan-bahan yang telah dikemukakan bagi menunjukkan kedudukan kajian ini dalam konteks nilai dan budaya politik.

Secara ringkas kajian atau penulisan mengenai nilai dan budaya politik masyarakat lain juga diberi sedikit huraian agar nilai politik masyarakat-masyarakat tersebut dijelaskan. Ia bertujuan untuk menunjukkan perbezaan dari segi bilangan bahan dan tumpuan antara sarjana yang mengkaji budaya politik di kalangan masyarakat tersebut dengan apa yang terdapat dalam khazanah tempatan mengenai masyarakat Melayu.

3.3.1 Latarbelakang - Sorotan dari Segi Sejarah

Perbincangan mengenai politik orang Melayu seharusnya bertitik-tolak daripada usaha terawal untuk merakam peristiwa-peristiwa atau sejarah orang Melayu yang dibukukan dalam tulisan-tulisan lama khususnya kitab *Sejarah Melayu*. Malah menerusi *Sejarah Melayu* yang dikira sebagai tulisan awal mengenai orang Melayu – sebuah karya yang dihasilkan untuk kepentingan istana dan merupakan catatan-catatan sekitar institusi tersebut – gambaran mengenai sistem politik boleh diperoleh dan perkembangan seterusnya dalam sejarah politik Melayu akan lebih mudah difahami²¹. Ini bermakna catatan lama perlu diteliti supaya penelitian terhadap politik orang Melayu berada di atas landasan perbincangan yang lebih kukuh.

Peringkat seterusnya dalam catatan sejarah ialah tulisan-tulisan yang terdapat selepas zaman kesultanan Melaka sehingga memasuki era penjajahan dan zaman pasca kemerdekaan. Pada asasnya kajian-kajian atau tulisan-tulisan berkenaan boleh dikaji berdasarkan zaman tertentu – seperti politik zaman kesultanan Melaka, zaman penjajahan, pra-kemerdekaan, pasca kemerdekaan dan zaman kontemporari.

²¹⁻ Selain *Sejarah Melayu* beberapa tulisan lain seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Tuhfat al-Nafis*, *Taj us Salatin* dan *Bustanus Salatin* turut dikaitkan dengan politik orang Melayu. Lihat misalnya Shohama Hussin (1999:24)

Penelitian terhadap *Sejarah Melayu* bagi melihat konteks politiknya mendedahkan sistem politik yang berfungsi ketika itu. Tidak dapat dinafikan sistem politik tradisional diasaskan di atas prinsip feudalisme pada zaman Kesultanan Melaka. Malah *Sejarah Melayu* boleh dianggap sebagai suatu himpunan kisah yang memaparkan penekanan tegas bahawa sistem feudal itulah satu-satunya sistem yang mendasari hubungan sosio-politik masyarakat ketika itu. Sistem tersebut kemudian terus diwarisi oleh generasi-generasi kemudiannya.

Perihal pentingnya kenyataan ini diberi perhatian di sini ialah kerana fahaman feudalisme telah berakar-umbi dalam masyarakat dan mengatur bukan sahaja hubungan politik malah hubungan sosial dan ekonomi.²² Namun pemerihalan mengenai feudalisme di sini adalah sekadar untuk memberikan gambaran betapa nilai-nilai daripada zaman tersebut terus diwarisi pada zaman-zaman kemudiannya. Nilai-nilai seperti tradisionalisme, ketaatsetiaan dan budi dibalas budi antara lainnya masih kekal walaupun pengertian dan penjelmaannya mungkin telah berubah. Pemaparan mengenai feudalisme adalah untuk menunjukkan betapa pentingnya sistem itu - yang disertai nilai-nilainya sekali - dalam mencorakkan hubungan-hubungan dalam struktur masyarakat Melayu, malah dilihat sebagai pembentuk struktur itu sendiri.

Ini bermakna penelitian terhadap politik orang Melayu tidak akan lengkap tanpa merujuk kepada perkembangan-perkembangan yang bertitik-tolak daripada zaman wujudnya fahaman dan amalan feudalisme itu sendiri.²³

²². Penegasan ini dibuat oleh beberapa pengkaji antaranya Shaharuddin Maaruf yang membentangkan dinamika feudalisme secara terperinci. Lihat Shaharuddin Maaruf (1988).

²³. Turut dikemukakan dalam bab ini ialah beberapa pengkaji yang menyentuh mengenai feudalisme dalam masyarakat Melayu. Lihat halaman-halaman seterusnya.

3.3.2 Sorotan dari Segi Budaya Politik

(a) Feudalisme

Seperti yang dinyatakan di atas, tujuan melihat feudalisme di sini bukan untuk membahaskan strukturnya secara terperinci atau sistemnya tetapi sekadar menunjukkan betapa pentingnya sistem tersebut dalam melahirkan sistem nilai orang Melayu terutama yang berkait dengan persoalan politik.

Secara ringkas sistem feudal boleh dilihat sebagai satu sistem yang mengatur segala hubungan dalam masyarakat Melayu. Definisi paling ringkas menjelaskannya sebagai,

...both a method of social organization as well as the corresponding psychological elements. The system was characterised by ...the political order (which) was dominated by hereditary groups having at their disposal large estates...
(Shaharuddin Maaruf, 1984:6).

Di dalam sistem feudal, penekanan diberi kepada strukturnya. Struktur feudal adalah berat sebelah di mana golongan elit ataupun kelas pemerintah itulah satu-satunya tenaga utama dalam sejarah (Shaharuddin Maaruf, 1988:1). Shaharuddin (1988:1) memberikan gambaran jelas tentang sistem feudalisme yang diamalkan dan bagaimana orang Melayu begitu taksub mengamalkannya.²⁴

Bagi beliau kitab *Sejarah Melayu* itu sendiri tidak lain melainkan satu himpunan catatan mengenai masyarakat Melayu feudal pada abad ke 16 (1988:1). Antara nilai feudal yang ditekankan ialah keangkuhan kuasa, keperluan untuk

²⁴ -Penelitian mengenai sistem feudalisme dalam masyarakat Melayu turut dibuat oleh Alatas (1968). Hurian beliau terdapat pada halaman 130 di bawah.

penaungan, taatsetia mutlak dan perbezaan status. Kesemua nilai tersebut hanya menjadikan masyarakat patuh kepada raja dan mereka yang berstatus tinggi. Ini membolehkan jurang pemerintah (Raja) - diperintah kekal lebar bagi memelihara kepentingan kedua-dua golongan masing-masing. Dengan menekankan kepada keperluan jurang tersebut sistem feudal memastikan hubungan antara raja dan rakyat adalah sehala - hanya raja yang boleh menentukan segalanya dan rakyat menerima sahaja apa yang telah ditentukan.

Selain merakamkan bagaimana nilai-nilai tersebut beroperasi, Shaharuddin (1988:13) juga memperincikan kesan daripada nilai-nilai feudal terhadap raja dan rakyat. Satu daripada kesan itu ialah ketidakadilan yang sangat ketara. Ketidakadilan kerana mempunyai pemimpin yang tidak cerdik seperti yang digambarkan dalam kisah Singapura dilanggar todak dan kezaliman kerana gusar dengan orang yang menyuarakan pendapat yang lebih baik daripada pemimpin - juga dalam kisah yang sama.

Natijah daripada ini semua ialah pemantapan nilai-nilai feudal khususnya taatsetia mutlak. Perbincangan mengenai taatsetia mutlak ini diperincikan lagi oleh Chandra Muzaffar (1979) seperti huraian di bawah.²⁵ Dengan itu dalam sistem feudal seluruh hubungan lain dikawal oleh struktur ini bagi menghasilkan perlakuan sosial (dan politik) yang sesuai dengan kehendak pengamal sistem tersebut.

Pemahaman terhadap operasi sistem ini termasuk nilai dan budayanya dengan sendirinya boleh menjelaskan kenapa perubahan politik tidak berlaku untuk

25 - Lihat halaman 132 di bawah

sekian lamanya dalam masyarakat berkenaan. Malah ‘kestabilan’ seperti ini disebut oleh Alatas (1968) dalam makalahnya bagi menjelaskan kenapa tidak terjadi perubahan dari bawah dalam bentuk pemberontakan atau penentangan terhadap golongan yang berkuasa kecuali perebutan antara mereka itu sahaja (Alatas, 1968:1).

Perubahan politik di sini bukan sekadar bermaksud penukaran pemimpin dari masa ke masa, malah termasuk tindakan masyarakat memilih satu golongan atau puak yang baru daripada yang sedia berkuasa untuk sekian lama. Contoh kontemporarinya ialah parti politik. Ia menjelaskan perkembangan politik orang Melayu daripada satu zaman ke zaman lain yang terus dikawal oleh sistem tersebut - memelihara perbezaan status, mempastikan taatsetia secara buta tuli dan bermegah-megah dengan kuasa walaupun sehingga ke zaman sekarang. Sistem feudal dikatakan tetap utuh walaupun ‘diserang’ oleh elemen atau aliran luaran seperti penjajahan.²⁶

Pada era klasik kenyataan politik yang diterima – seperti yang dinyatakan dalam *Sejarah Melayu* – ialah hubungan yang terbentuk adalah antara dua kelompok dalam masyarakat sebagai manifestasi sistem feudal itu sendiri. Pada ketika itu juga nilai-nilai yang sesuai dengan feudalisme turut berperanan. Pembahagian masyarakat kepada dua kelompok – bagi membezakannya – mempunyai peraturan-peraturannya yang tersendiri dalam menentukan bentuk-bentuk hubungan yang merupakan antara bukti amalan feudalisme. Struktur operasi politiknya disebut sebagai struktur ‘Raja’ dan ‘rakyat’, iaitu kelas pemerintah di satu pihak dan kelas

²⁶ –Kenyataan seperti ini dibuat oleh Chandra Muzaffar. Lihat Chandra Muzaffar (1979). Tulisan Shahruddin Maaruf (1988) juga menunjukkan ia tetap bertahan walaupun zaman penjajahan telah berlalu.

yang diperintah di pihak yang lain. Malah dikatakan ‘sesbuah masyarakat tidak mungkin wujud tanpa raja’ (Milner,1991:109).²⁷

Susunan feudal dalam masyarakat Melayu dikatakan berpunca daripada hubungan yang terjalin berdasarkan kepada struktur ini. Satu perkara penting yang perlu dilihat juga ialah psikologi feudal itu sendiri. Persoalan ini telah diberi perhatian khusus antara lain oleh Alatas (1968). Alatas (1968:2-3) menjelaskannya sebagai,

... the relationship between those in power and those dependent on them is characterised by personal attachment to the leader or man in authority rather than the principles he stands for. The leader ... expects the subordinate to be loyal and faithful in a manner that sometimes comes into conflict with the norms and ethics of the work or profession. He is supposed to be loyal under almost all circumstances even if these circumstances violate the present values and philosophy of Malaysian society

Tulisan beliau memaparkan beberapa amalan pada hari ini yang dikaitkan dengan nilai-nilai yang diwarisi daripada sistem feudalisme yang diamalkan pada zaman kerajaan-kerajaan Melayu abad ke 16. Contohnya seseorang boleh melakukan kesalahan dan melepaskan diri daripada hukuman hanya dengan berlindung di bawah naungan rajanya. Kini keadaan yang sama terjadi apabila seseorang boleh mendapat perlindungan daripada pemimpin politiknya setelah membuat perkara yang salah (Alatas,1968:12). Tambah beliau (Alatas,1968:13) lagi,

The important conditions to obtain protection from feudal rulers and chiefs were unflinching loyalty and subservience towards the master. In return for these, protection

27- Lihat juga Gullick (1965) yang memperkatakan tentang konsep yang sama

was granted irrespective of the nature and degree of the crime. The modern version of this relationship is found in the political party. As long as the individual is loyal and subservient to the leader, he can rely on his protection in the hour of need. His misdemeanour and excesses may be tolerated, but never a challenge or defiance to the leader

Kesinambungan sistem ini boleh juga diperhatikan pada catatan tokoh-tokoh pada zaman-zaman berikutnya. Karya-karya Abdullah Munsyi (1963,1965) lewat abad ke 19 yang banyak membicarakan kisah-kisah di sekitar kehidupan istana menunjukkan betapa kukuhnya sistem tersebut dalam masyarakat Melayu. Kisah-kisah tersebut merupakan usaha awal mengkritik sistem feudal dan amalan-amalan yang mendukungnya yang telah termaktub sekian lama. Namun ini tidak bermakna sistem itu menjadi lemah atau nilai-nilainya dilupakan seperti yang ditunjukkan beberapa sarjana seperti Alatas dan Chandra Muzaffar.

Perkara penting diperhatikan pada zaman Kesultanan Melaka ialah kelahiran sistem kerajaan. Zaman itulah dikatakan sistem kerajaan telah bermula dan menggambarkan mulanya ‘sistem politik yang kompleks’ (Syed Husin Ali,1979:29).

Kajian-kajian yang dilihat di sini sebilangan besarnya bergantung kepada latar belakang sejarah politik ini. Misalnya tema ‘pelindung’, ‘perlindungan’ dan ‘ketaatsetiaan’ yang menjadi pembicaraan ramai pengkaji merupakan tema-tema atau nilai-nilai yang dikaitkan secara langsung dengan sistem feudal di zaman Kesultanan Melaka. Walaupun masyarakat Melayu berada dalam negara yang dikatakan mengamalkan demokrasi, nilai-nilai ini tidak mudah diketepikan dan menunjukkan betapa besar kesan sistem feudalisme terhadap pembentukan sistem

nilai dan budaya politik masyarakat Melayu masa kini. Kajian dan penulisan mengenai warisan-warisan feudal menyusul di bawah.

(b) Tema ‘Pelindung’ dan ‘Ketaatsetiaan’

Tema ‘pelindung’, ‘ketaatan’ atau ‘kesetiaan’ menjadi intipati perbincangan ramai pengkaji dan penulis. Ini kerana sistem politik feudal yang terdapat pada zaman sebelum kedatangan Islam dan konsep ‘kerajaan’ yang dipegang sejak zaman feudal lagi. Malah tema ini dikatakan mencorakkan hubungan politik dalam masyarakat Melayu sesuai dengan struktur masyarakat itu sendiri yang dikelaskan kepada dua - di satu pihak terdapat Raja dan di pihak yang lain ialah rakyat.

Antara penulisan utama mengenai hubungan pemerintah – rakyat di atas asas-asas tersebut ialah karya Chandra Muzaffar (1979). Feudalisme dilihat sebagai penyebab kepada lahirnya janji ‘perlindungan’ – yang diberi oleh satu pihak kepada pihak kedua - ia telah menghasilkan hubungan ‘pelindung-penerima perlindungan’. Penerima perlindungan tadi bertindak memberi ketaataan yang tidak berbelah-bahagi kepada ‘pelindung’nya.

The perception of a Sultan as a protector was a feudal perception because in return for protection, the subject remained unquestioningly loyal (Chandra, 1979:62-63)

dan juga,

... unquestioning loyalty in return for ethnic protection... (Chandra, 1979:68)

Ja bererti rakyat terus menerus memberikan ketaatan kepada pemerintah – baik raja, penguasa mahupun parti politik yang memegang tumpuk kekuasaan. Ketaatan ini turut membabitkan kesetiaan (*loyalty*) oleh itu wajar ditakrif sebagai ketaatsetiaan. Kedua-dua nilai ‘taat’ dan ‘setia’ disatukan bagi membentuk satu nilai yang lebih luas dalam hubungan raja-rakyat.

Nilai ‘lindung’ dan ‘taatsetia’ dikesan wujud pada ketika yang sama bagi menghasilkan tingkahlaku tertentu bertujuan mengekalkan hubungan antara dua pihak yang mempunyai status sosial yang sangat berbeza. Dalam masyarakat feudal nilai-nilai ini turut menjelaskan status dalam struktur dan susunan masyarakat. Ia juga menjadi suatu keperluan bagi menjamin semacam kestabilan dalam urusan politik orang Melayu. Malah ia dilihat juga sebagai intipati kepada seluruh hubungan dan sistem politik itu sendiri sepetimana ia telah dikenali oleh orang Melayu.

Tulisan Chandra (1979) yang dirujuk di atas, merupakan satu penerokaan penting mengenai peranan nilai dalam sistem politik, namun perhatian beliau membayangkan bahawa nilai taatsetia adalah begitu menyeluruh sifatnya, seolah-olah mutlak dari segi amalannya dalam masyarakat Melayu. Penegasan ini masih boleh diperbahaskan.²⁸ Kenyataan yang dirujuk sendiri oleh Chandra, iaitu dialog antara Sri Tri Buana dan Demang Lebar Daun dalam *Sejarah Melayu* menimbulkan satu paradoks terhadap kenyataannya berhubung dengan taatsetia kerana dialog itu sendiri seolah-olah menolak taatsetia buta tuli, sebaliknya menampilkkan nilai taatsetia secara bersyarat.²⁹ Cuma kemungkinan gambaran terjadinya taatsetia

²⁸⁻ Antara tujuan kajian ini ialah untuk membincangkan semula pengkategorian sesuatu nilai sebagai mutlak sifatnya seperti yang dinyatakan dalam beberapa kajian

²⁹⁻ Dalam dialog tersebut terdapat unsur timbal-balik (*reciprocity*) antara pemimpin dan pengikut.

secara buta-tuli diperkuuh kerana amalan yang terjadi dan sorotan pada kisah-kisah yang memerihalkan bila terjadi taatsetia buta-tuli tersebut.³⁰

Satu pengamatan yang barangkali boleh menolak idea taatsetia mutlak ialah kejadian penentangan terhadap Malayan Union pada 1946 oleh massa Melayu sedangkan yang dibantah itu ialah pemerintah (Inggeris) yang mempunyai kuasa dan status sosial yang tinggi sama seperti yang digambarkan dalam kisah-kisah pemerintah di zaman feudal. Penentangan tersebut menjelaskan wujud pengecualian kepada ketaatsetiaan yang diberikan. Peristiwa Malayan Union menjadi kenyataan bahawa ketaatsetiaan hanya ditujukan kepada pemerintah Melayu dan berlaku di kalangan orang Melayu sahaja. Ia mengesahkan kepatuhan yang dikehendaki dalam konteks sistem feudal itu sendiri yang diasaskan kepada sistem politik Melayu tradisional yang diwarisi dan bukannya anasir baru seperti penjajahan yang datang kemudian.

Tulisan Chandra (1979) mengemukakan dua nilai penting ‘keperluan untuk perlindungan’ dan ‘ketaatsetiaan’ – dan nilai-nilai ini boleh diuji dalam konteks dan zaman yang berbeza. Beliau sendiri telah membandingkan keadaan pada zaman kegembilangan kesultanan Melayu di Melaka dan zaman di mana UMNO mengambil alih kuasa politik selepas sahaja tamatnya era penjajahan.

‘Perlindungan’ dikaitkan juga dengan ‘hak’ orang Melayu iaitu hak-hak orang Melayu perlu diberi perlindungan. Sekiranya berlaku pengabaian kepada ‘melindungi hak’ ini oleh pihak yang bertanggungjawab memberikan perlindungan itu, ia kelak membuka ruang kepada peralihan sokongan daripada pelindung asal

³⁰⁻ Menurut Shohana Hussin (1999:73) zaman di bawah pengaruh Hindu-Budha menyaksikan ketertarik buta-tuli, tetapi ini berubah dengan kedatangan Islam.

kepada pelindung baru yang dipercayai berupaya ataupun telah membuktikan kemampuan untuk ‘melindungi hak’ tadi.

Bagi Chandra (1979:16), UMNO mendapat sokongan atas dasar ‘perlindungan’ yang dijanjikannya kepada masyarakat Melayu. Peralihan sokongan daripada UMNO kepada PAS serta PKN umpamanya boleh dilihat dalam aspek ini juga; kegagalan memenuhi tuntutan perlindungan. Misalnya pendapat Maznah (1999:3):

while the politics of money reigns high within the party, its original dictum of “ketuanan Melayu” rings increasingly hollow

Maznah melihat hak dan perlindungan menerusi konsep ‘ketuanan Melayu’. Ketuanan Melayu adalah berkait rapat dengan hak-hak orang Melayu. Oleh itu adalah lebih wajar dikaitkan dua nilai iaitu ‘ketaatsetiaan’, dan ‘keperluan untuk mendapat perlindungan’ dalam konteks politik. Ini bermakna dari segi politiknya perlindungan menuntut ketaatsetiaan

Turut diperhatikan di sini ialah nilai ‘budi’ yang perlu dipertegaskan kerana ia termaktub sebagai nilai penting dalam masyarakat Melayu. Wan Abdul Kadir (2000:16) menyatakan bahawa ‘kekuatan tradisi budaya Melayu itu berlandaskan kepada budi’.

Beliau menambah lagi bahawa,

... budi kepada orang Melayu meliputi suatu ruang yang luas yang menyatakan unsur-unsur kebaikan dan

kehalusan mengikut nilai-nilai yang dipupuknya. Pembinaan budi di kalangan orang Melayu (adalah) berlandaskan kepada penghidupan tradisi yang amat menekankan kepada hubungan sosial (1993:26-27).

Seorang lagi sarjana, Tham Seong Chee (1977) mempertegaskan budi sebagai pusat kepada perlakuan dan hubungan sosial orang Melayu. Ketiga-tiga nilai ini - ketaatsetiaan, perlindungan dan budi - tidak dapat dipisahkan dalam konteks tingkahlaku politik di mana salah satu menjadi utama kerana kehadiran dua lagi nilai tadi. Budi dipertegaskan kerana menjadi satu kewajaran untuk memberi sesuatu sebagai balasan kepada orang yang telah menaburkannya. ‘Perlindungan’ yang diberi ialah budi yang perlu dibalas dengan ketaatsetiaan. Oleh itu ‘perlindungan yang diberi’ boleh ditakrif sebagai nilai budi dan termasuk juga apa-apa feadah kebendaan yang diberi oleh kelas pemerintah kepada rakyat. Rajah 3.1 di bawah menjelaskan fenomena yang dinyatakan ini.

Barangkali pemerhatian Chandra (1979) bahawa peranan UMNO sebagai ‘pelindung’ menyerlah di peringkat awal tetapi mula terjejas akibat beberapa krisis dalaman yang semakin menjadi-jadi sejak tahun 70-an perlu untuk diberi perhatian.

Krisis-krisis ini berpanjangan sehingga ke dekad 80-an diikuti dekad 90-an dengan memuncak pada September 1998. Krisis-krisis tersebut perlu dikaji bagi melihat hubungannya dengan kemerosotan prestasi UMNO di tangan orang Melayu.³¹

³¹- Salah satu contoh krisis dalaman parti ialah apa yang disifatkan sebagai ‘The Battle Royal’ oleh Shamsul (1988) dan ‘The UMNO Split’ oleh Crouch (1992) yang menyentuh krisis yang sama

Rajah 3.1
Hubungan Nilai Budi dengan Taatsetia



Di samping krisis dalaman itu lain ialah tekanan-tekanan yang berlaku ke atas UMNO sebagai ‘pelindung’ akibat perkembangan-perkembangan yang berpunca daripada luarnya iaitu krisis UMNO-MCA pada tahun 1959, cabaran 1965 dengan terkeluarnya Singapura daripada gagasan Malaysia dan peristiwa 13 Mei 1969. Peristiwa-peristiwa ini dikatakan memperkuat kedudukan UMNO sebagai parti politik Melayu yang bertindak sebagai ‘pelindung’ kepada kepentingan dan hak orang Melayu. Malah peristiwa-peristiwa ini boleh dilihat sebagai membuka peluang kepada UMNO untuk terus-menerus mempertegaskan peranannya sebagai ‘pelindung’ orang Melayu.(Chandra,1979:83)

Dalam *Protection of the Malay Community* (1974) dan *Some Dominant Concepts and Dissenting Ideas* (1980) oleh Pillay (Chandra) perbahasan ditumpukan kepada nilai dan idea dalam masyarakat Melayu dan hubungannya dengan politik. Ia merupakan perbahasan yang sama seperti yang terkandung dalam *Pelindung* yang telah disebut di atas. Hubungan feudal terserlah tidak kira di zaman kerajaan-kerajaan Melayu mahupun selepas berakhirnya zaman penjajahan. Peranan

'pelindung' yang dipegang oleh raja beralih kepada parti politik iaitu UMNO (Chandra P,1974:9). Dalam kajiannya yang kedua (1980) perbincangan menyentuh nilai dan idea yang dipegang oleh dua kelompok dalam masyarakat – pemerintah dan yang diperintah.

Kajian-kajian tersebut turut melihat bagaimana UMNO bangkit menerajui kepentingan orang Melayu dalam konteks 'perlindungan' tadi. Dilihat daripada sudut lain, memperjuangkan 'hak keistimewaan' orang Melayu – yang merupakan satu bentuk 'perlindungan' – menjadi intipati kepada kekuatan parti politik orang Melayu (Chandra P, 1980:21)

Tema-tema 'ketaatan' 'kesetiaan' 'pelindung' dan 'budi' turut dibicarakan oleh Milner (1994,1991 dan 1982), Ariffin Omar (1993), dan Shohana Hussin (1999). Misalnya, Milner dan Ariffin menegaskan kenyataan sebelum ini bahawa masyarakat Melayu dibahagi kepada dua kelas – kelas pemerintah dan kelas yang diperintah. Kenyataan serupa dibuat oleh Milner dalam makalahnya (Milner, 1991, dan Ariffin Omar,1993:1). Pembahagian ini memperlihatkan bagaimana ketaatan dan kesetiaan dizahirkan.

Menulis daripada perspektif masyarakat Melayu itu sendiri, Ariffin Omar (1993) menggagaskan bahawa budaya politik Melayu sukar memperlihatkan satu keadaan dimana orang Melayu terpisah daripada memberi ketaatsetiaan kepada pemerintah, raja, kerajaan atau pihak berkuasa (1993:1). Ini bererti dalam budaya politik ketaatsetiaan diutamakan, malah bagi Ariffin keadaan politik mereka dilihat pada wujudnya 'kerajaan' iaitu menganggap mereka tinggal dalam sebuah komuniti berpaksikan seorang raja yang menjadi tumpuan kehidupan politik mereka (1993)

Tema ‘pelindung’ turut mendapat perhatian Mahathir Mohamad (1982:12), yang seperti Chandra, menyatakan bahawa UMNO menjadi ‘pelindung’ bagi orang Melayu di mana penubuhannya ialah,

oleh kerana rasa bimbang orang Melayu
terhadap orang Cina

Selain itu tulisan Mahathir (1982) banyak menyentuh nilai-nilai sosial yang dikatakan menjadi penyebab kepada kemunduran ekonomi orang Melayu. Sedikit sebanyak tulisan beliau cuba melihat juga aspek politik tetapi lebih banyak tertumpu kepada ‘dilema’ tadi yang cuba dijelaskan sebagai berpunca daripada nilai dan sikap orang Melayu itu sendiri.

Antara kajian terkini mengenai ketaatan ialah oleh Shohana Hussin (1999) dan Mohd Koharuddin (1999). Shohana bukan sekadar menjelaskan fenomena ketaatan malah melihat juga lawannya iaitu protes. Ketaatan dan protes dilihat menurut kacamata Melayu dan Islam (1993:73). Menurutnya ketaatan dan protes dizahirkan sejak zaman kesultanan Melaka sehingga ke tahun 1990. Ini bermakna kedua-dua nilai tersebut turut dikaji dalam konteks politik kontemporari. Kajian beliau lebih melihat manifestasi taat dan protes sebagai amalan tradisi dan sejauhmana kesesuaianya dengan Islam.

Mohd Koharuddin (1999:17-18,26) tidak mengkaji persoalan ketaatan secara khusus sebaliknya kajiannya ialah untuk melihat ‘pemikiran politik masyarakat Melayu tradisi yang terakam dalam tradisi lisannya’. Dengan itu sebarang nilai yang terpancar daripada masyarakat tradisional turut mendapat perhatian dalam

tradisi lisan masyarakat tersebut. Usaha ini merupakan ‘kajian mengenai tradisi lisan dan hubungannya dengan budaya politik’.

Rumusan-rumusan kajian beliau (Koharuddin,1999) menunjukkan bahawa berlaku peralihan kepada pegangan daripada satu zaman ke zaman berikutnya – dari zaman animisme ke zaman Hindu-Buddha kepada zaman Islam. Elemen-elemen daripada zaman-zaman ini ‘mempengaruhi sistem kepercayaan yang menjadi teras yang membina kerangka pemikiran politik Melayu tradisi’ (Koharuddin,1999: 33)

Kajian Koharuddin (1999:208) turut membincangkan konsep taatsetia disamping menegaskan konsep ‘keadilan politik’. Kontrak raja-rakyat telah digambarkan dengan jelas sebagai ‘satu perjanjian ketaatsetiaan dan keadilan’ (Koharuddin,1999:224). Ini bererti nilai keadilan turut ditekankan dalam hubungan antara dua pihak dalam struktur masyarakat Melayu iaitu raja dan rakyat. Mengenai keadilan beliau (1999:265) menyatakan,

“Selama raja mampu bersikap adil selagi itulah raja akan kekal berdaulat dan berkuasa”

Walaupun Koharuddin memberikan gambaran mengenai nilai tetapi ia dirujuk kepada masyarakat Melayu tradisi yang hidup ketika tradisi lisan mula dirakam. Ia tidak menjawab persoalan budaya politik kontemporari ataupun melihat kembali peranan nilai-nilai yang terdapat dalam tradisi lisan itu dalam konteks semasa.

Shaharuddin Maaruf (1988:149) membincarkan cengkaman feudalisme di atas orang Melayu. Dalam tulisannya beliau melihat kepada nilai-nilai dan idea-idea dominan mengenai pembangunan yang terdapat dalam catatan sejarah orang Melayu sepetimana yang terkandung dalam teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*.

Walaupun tumpuannya bukan kepada tingkahlaku politik namun sistem feudal dan nilai-nilai feudal itu sendiri diberi perhatian dalam menjelaskan kenapa orang Melayu terus berada dalam keadaan yang mundur. Dalam konteks politiknya, struktur feudal dengan nilai-nilainya itu bukan sekadar menyusun sistem dan tingkahlaku politik malah berperanan dalam lapangan ekonomi.

(c) Partisipasi Politik

Salah satu aspek dalam tingkahlaku politik yang menjadi tumpuan beberapa pengkaji ialah partisipasi atau penyertaan politik orang Melayu. Ia menjelaskan kenapa dan bagaimana orang Melayu terlibat dengan kegiatan politik secara aktif menerusi keanggotaan dalam parti politik ataupun menyertai aktiviti politik secara umum. Beberapa kajian telah melihat penglibatan politik kelas menengah Melayu. Secara khusus ia melihat bagaimana golongan ini berfikir mengenai politik dan isu-isu politik.

Pushpathevi (1975) lebih menumpu perhatian kepada partisipasi politik di peringkat kampung. Sebagai kajian mikro ia menjelaskan ciri-ciri khusus yang terdapat dalam politik peringkat kampung – mengenai sebab-sebab kenapa orang kampung menyertai parti politik atau kegiatan kepartian. Dalam kajian ini

persoalan nilai tidak menjadi perhatian, sebaliknya tumpuan adalah kepada partisipasi itu sendiri.

Posiah Hj Mohd Isa (1987) pula cuba mengaplikasikan teori budaya politik Almond-Verba dalam menjelaskan fenomena tingkah laku politik di kalangan kelas menengah Melayu. Usaha ini membantu memberi kefahaman mengenai budaya politik orang Melayu tetapi ia sekadar menggunakan kaedah tinjauan semata-mata bagi melihat tiga orientasi yang telah dikemukakan oleh Almond-Verba itu³². Namun ia merupakan usaha penting bagi merakamkan orientasi politik di kalangan kelas menengah Melayu. Pemerhatian orang Melayu kelas menengah dari segi orientasi politik mengikut pendekatan Almond-Verba memberikan gambaran budaya politik golongan tersebut. Misalnya salah satu nilai penting yang dikemukakan oleh beliau ialah nilai agama. *Penjelasan lanjut mengenai nilai ini akan dibuat di bawah nanti di bawah tajuk 'agama'.*

Marvin L. Rogers(1968,1993) telah mengemukakan kajian menarik tentang partisipasi politik di peringkat massa. Kajian beliau turut membincarkan kepentingan nilai 'keperluan untuk dilindungi' bagi orang Melayu – iaitu orang Melayu memerlukan suatu kuasa atau parti/kumpulan untuk 'melindungi' mereka. Ini kerana mereka digambarkan sebagai kaum yang lemah dan tercabar dari segi hak-hak mereka. Dalam keadaan seperti ini mana-mana pihak yang dapat menggembungkan tenaga orang Melayu terutama menerusi satu pertubuhan yang memperjuangkan 'nasib' mereka, akan mendapat perhatian dan sokongan.(Rogers,1968:483)

³² - Orientasi-orientasi tersebut boleh dibaca dalam karya mereka (1965)

UMNO dilihat mempunyai kelebihan di sini kerana ia lahir ketika terjadi semacam satu kesedaran bahawa ‘hak dan kepentingan’ Melayu berada dalam bahaya dan mereka tidak mempunyai ‘pelindung’ yang boleh bersama mereka untuk menghadapi bahaya tersebut – iaitu ura-ura hendak memperkenalkan perjanjian Malayan Union oleh penjajah Inggeris - apabila Raja-Raja Melayu sendiri sebahagiannya telah menerima perjanjian tersebut. Kesedaran nasionalisme tidak kira daripada aliran mana sekalipun menjadi pemangkin kepada kesedaran baru tentang perlunya ‘pelindung’ bagi masyarakat Melayu pada 1946 yang membawa kepada penubuhan UMNO. Kelahiran UMNO adalah hasil kesedaran-kesedaran ini dan peranan ‘pelindung’ yang akhirnya dimainkan oleh UMNO ketika menghadapi saat yang begitu gawat sekali.

Dalam konteks kajian ini, penemuan Rogers adalah berguna untuk menjelaskan beberapa andaian kajian yang antara lain melihat sokongan orang Melayu terhadap UMNO berpunca daripada faktor ‘perlindungan’, - hujah yang turut dikemukakan oleh Chandra Muzaffar (1979), Shaharudin Maaruf (1988) dan lain-lain.³³

Rogers melihat bahawa pendekatan orang Melayu terhadap politik diasaskan atas dua prinsip utama, iaitu mereka mesti bersatu padu biar apa pun terjadi dan keduanya UMNO mestilah menjadi rakan dominan dalam pakatan Perikatan. Ini memberi gambaran bahawa politik sedemikian dipengaruhi oleh faktor kaum yang terdapat dalam negara ini (Rogers, 1968:147). Pendirian tegas bahawa keutamaan perlu diberi kepada dominasi Melayu dalam politik sebagai manifestasi dan jawapan kepada cabaran daripada etnik lain turut dikongsi oleh Mahathir Mohamad (1982).

³³ - Pengkaji lain ialah Indorf (1969), Syed Husin Ali (1979) dan Arifin Omar (1993)

Rogers menganalisis partisipasi politik orang Melayu di peringkat kampung dan mengemukakan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Analisis tersebut tidak melihat kepada nilai dan hubungannya dengan tingkahlaku politik secara langsung. Pada tahun 1968, orang Melayu menganggap bahawa Kerajaan Malaysia sebenarnya ialah Kerajaan Melayu atau kerajaan UMNO (Rogers,1968:313).

Kerajaan tersebut memberikan penilaian yang tinggi bagi persoalan ‘hak Melayu’ ketika itu. Misalnya sokongan besar yang orang kampung berikan kepada Perikatan bukan kerana mereka mempunyai kesedaran mendalam tentang politik sebaliknya ia lebih sebagai tanda sokongan untuk politik kebangsaan Melayu dan kepada kepimpinan di peringkat kampung yang digambarkan sebagai mewakili kerajaan Melayu tadi (1968:317).

‘Ketaatsetiaan’ turut diketengahkan, misalnya kesetiaan kepada parti politik dan ahli-ahli politik, khususnya mereka yang dianggap sebagai pemimpin-pemimpin kampung. Kesetiaan adalah balasan kepada ‘budi’ yang telah dicurahkan – orang Melayu kampung menerima pelbagai bantuan daripada kerajaan, akhirnya kerajaan dan UMNO yang menerajuinya pula mendapat sokongan sebagai balasan dan ini merupakan manifestasi kepada kesetiaan (1968:341). Bagaimanapun Rogers membayangkan bahawa potensi untuk perubahan tetap wujud sekiranya pada pendapat orang Melayu parti baru nanti lebih berkesan dalam membekalkan kemudahan-kemudahan sosial dan peluang-peluang ekonomi. (1968:483)

Dalam kajian susulannya pada 1978 (Rogers,1993:101), beliau mendapati tidak banyak perubahan terjadi pada persepsi dan partisipasi politik di

kalangan masyarakat Melayu di Sungai Raya. Sekali lagi beliau mengisahkan perkara-perkara yang telah disentuh dalam kajiannya yang awal iaitu berhubung dengan kesedaran politik, partisipasi dan keprihatinan antara lainnya. Dari segi aspek nilai, perbualannya dengan penduduk kampung mendapati bahawa mereka meletakkan UMNO sebagai institusi politik utama dalam kehidupan mereka sehingga pengharapan pada masa depan Melayu diletak pada UMNO (Rogers, 1993:104)

Kenyataan Rogers (1993) memperkuatkan lagi pendapat di kalangan ramai pengkaji bahawa ketia-setiaan adalah nilai utama dalam tingkah laku politik dan ini perlu ditunjukkan dengan pernyataan sokongan kepada parti politik yang berkuasa yang turut memberikan perlindungan, ganjaran material dan kemajuan antara lainnya. Selain itu Rogers turut menekankan keperluan untuk kemajuan dan keselesaan dan peranan UMNO sendiri dalam perkara ini.

Walaupun terdapat rungutan tentang kelambatan atau ketiadaan kemudahan disediakan seperti yang dikehendaki mereka, namun UMNO masih menjadi parti yang diletakkan harapan. Orang Melayu didapati amat mementingkan kemajuan dan keselesaan dan inilah antara faktor utama kenapa politik penaungan berjalan lancar di peringkat bawahan. Kajian Rogers turut memaparkan program pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh pemerintah yang memberi kesan kepada pemikiran politik masyarakat.

(d) Agama

Agama diterima sebagai nilai teras dalam masyarakat Melayu. Agama di sini merujuk kepada Islam. Ia boleh dilihat sebagai sistem kepercayaan dengan

amalan-amalan yang terbina di atasnya dan juga menjurus kepada satu cara hidup. Kepentingan agama sebagai nilai hidup yang utama tidak dapat diketepikan dalam mana-mana perbincangan mengenai masyarakat Melayu. Ini kerana orang Melayu baik dari segi takrif Perlembagaan mahupun budayanya adalah dikira sebagai orang Islam. Malah takrif 'Melayu' dalam Perlembagaan menetapkan bahawa seseorang Melayu adalah seorang Islam.³⁴ Selain melihat agama sebagai satu nilai yang menentukan atau memandu tingkahlaku, Islam turut dibahaskan sebagai satu sistem atau cara hidup seperimana diutarakan oleh gerakan kebangkitan Islam.³⁵

Kedudukan agama dalam kehidupan politik orang Melayu telah digambarkan sedemikian oleh pengkaji-pengkaji seperti Syed Husin Ali (1979), Funston (1980) dan Nair (1997). Malah agama telah menjadi fokus konflik antara dua parti politik Melayu terbesar dan telah mendapat perhatian khusus oleh pengkaji seperti Kessler(1978), Funston (1980), Chandra Muzaffar (1994), Case (1994,1996) Crouch (1996), Mohd Salleh Lamry (1988), Milne dan Mauzy (1999) antara lainnya. Chandra (1994:10) misalnya menegaskan bahawa,

It is generally recognized that Islam has been the single most powerful influence upon the Malay value system. In shaping Malay attitudes towards 'the other', Islam has been particularly important

Kessler (1978) pula melihat politik Melayu di Kelantan dari perspektif peranan Islam. Kajian beliau menunjukkan bagaimana sokongan kepada PAS di negeri itu terbina, dan jelas menunjukkan peranan penting 'agama' dalam politik

34 - Perlembagaan Persekutuan Pasal 160(2)

35 - Beberapa penulisan yang membincangkan fenomena ini ialah Chandra Muzaffar (1987), Zainah Anwar (1987), Jomo dan Ahmad Shabery Cheek(1992) Husin Mutalib (1993), Peletz (1997), Shamsul (1997), dan Syed Ahmad Iussein (1999)

orang Melayu. Malah dalam kajianya, perjuangan PAS itu sendiri dikaitkan secara langsung dengan Islam. Nilai agama adalah penting dalam budaya Melayu dan ia lebih jelas lagi di Kelantan.

Kessler memberikan dimensi baru kepada bahan-bahan yang sedia ada tentang PAS di mana beliau mengemukakan pandangan yang agak berbeza daripada pengkaji lain³⁶. Menurutnya (1978:35):

The PMIP expressed class antagonisms among Malays rather than ethnic antagonism between Malays and Chinese. It further indicates how the PMIP mobilized support, not through the allegedly otherworldly power of illicitly involved religious slogans but by employing Islam as a politically persuasive idiom for the apprehension of mundane social experience

Ratnam (1965:165) sebaliknya melihat PAS sekadar sebuah parti perkauman ekstrim yang meraih sokongan atas isu perkauman. Katanya,

The Pan Malayan Islamic Party is the most extreme Malay communal organization in the political arena'

Di tempat lain beliau menegaskan lagi tema yang sama,

As long as the PMIP attempts to consolidate support through uncompromising religious propaganda and by evoking hostile feelings towards the non-Malays... The party owes a considerable amount of its success to the manner in which it has managed to stir the communal fears of the Malays... (1965:167)

³⁶ - Misalnya Ratnam (1965), Ratnam dan Milne (1967) dan Vasil (1972)

Usaha begini untuk memperbesarkan isu perkauman dan memperkecilkan peranan Islam dalam perjuangan PAS juga dilakukan oleh Ratnam dan Milne (1967:48) yang membariskan maksud yang sama menerusi ayat yang telah digunakan oleh Ratnam sendiri di atas,

The Pan Malayan Islamic Party is the most extreme communal party in the country.

Kajian Kessler (1978) menunjukkan bagaimana penyertaan atau sokongan kepada parti politik sebelum dan selepas kemerdekaan menandakan babit permulaan konsolidasi nilai di mana kaum aristokrat atau bangsawan lebih memilih untuk menyertai UMNO sedangkan golongan massa yang miskin tertarik kepada PAS di Kelantan (Kessler,1978:118). Oleh itu isu perkauman ekstrim tidak begitu menonjol. Katanya lagi (1978:118):

Islam forms the core value of the Malays in Kelantan

Milner (1986) juga melihat perkembangan Islam kontemporari dalam masyarakat Melayu dan keutamaan yang diberikan terhadapnya. ‘Agama’ bukan lagi seperti yang diterima di zaman awalnya sebaliknya kini menjadi teras dalam kehidupan orang Melayu. Nair (1997) turut melihat peranan Islam sebagai kritikal di kalangan masyarakat Melayu. Katanya (1997:ix):

A claim to the prerogative position in protecting and advancing the Islamic cause has been a powerful weapon in a set of internal struggles for political supremacy within the Malay community

Tulisan beliau tidak difokus kepada aspek nilai secara khusus kecuali melihat Islam sebagai elemen utama dalam menentukan polisi pemerintah dan dalam dasar luarnya. Seorang sarjana lain, Syed Husin Ali (1979) turut menjelaskan kepentingan agama dalam sistem nilai orang Melayu.

Agama atau Islam bukan sekadar suatu pegangan tetapi diperjuang dan dipertahankan. Pihak mana yang berbuat demikian akan mendapat sokongan daripada orang Melayu. Sokongan yang diberi itu adalah berdasarkan kepada apa yang mereka sendiri fahami mengenai makna ‘agama’ itu sendiri. Dalam konteks ini pertarungan antara dua parti politik Melayu - UMNO dan PAS - dilihat sebagai usaha setiap satu daripadanya untuk menarik sokongan orang Melayu atas isu ‘Islam’³⁷ - kerana memahami bahawa agama seperti yang telah dinayatakan oleh Kessler (1978) di atas merupakan nilai teras dalam masyarakat Melayu.

Nilai Islam dilihat sebagai suatu nilai yang begitu menyeluruh kesannya dalam kehidupan orang Melayu sehingga mempengaruhi ‘*world-view*’, hubungan sosial, politik dan ekonomi mereka (Wan Abdul Kadir, 2000). Malah dalam era yang dipanggil ‘era kebangkitan Islam’ (Chandra Muzaffar, 1994:2) ia menjadi nilai utama dalam menentukan persoalan-persoalan politik, ekonomi dan sosial.

Sekiranya mereka percaya agama hanya dibataskan kepada kepercayaan, amalan serta nilai-nilai baik semata-mata, ini akan dimanifestasikan pada sokongan kepada parti yang mereka kira sesuai dengan kepercayaan yang mereka pegang itu. Sebaliknya jika mereka melihat agama mempunyai peranan yang

³⁷ -Banyak kajian dan penulisan mutakhir memberi fokus kepada persoalan politik Islam. Sebahagiannya disebut dalam Bibliografi

lebih luas daripada pengertian di atas tadi, barangkali pilihan politik nanti akan dizahirkan pula kepada parti yang lain pula.³⁸

Bagi pengertian kedua ini - iaitu pengertian yang luas - tulisan Syed Ahmad Hussein (1999) amat berguna sekali. Beliau membincarakan mengenai politik Muslim dan demokrasi di Malaysia. Intipati perbincangan ialah mengenai perkembangan kontemporari politik Islam di Malaysia yang turut memperlihatkan persaingan antara UMNO dan PAS selain melihat usaha menyeluruh pertubuhan-pertubuhan Islam untuk merealisasikan tuntutan politik Islam. Apa yang dilakukannya ialah melihat Islam sebagai faktor penting dalam politik Malaysia masa kini. Perkembangan politik Islam akan mencorakkan politik Malaysia secara lebih menyeluruh. Menurut Syed Ahmad Hussein (1999:32) lagi,

...anjakan-anjakan dalam politik Muslim di Malaysia pada tahun-tahun terakhir abad kedua puluh menjanjikan kemungkinan satu landasan demokratik baru dalam persaingan ke atas interpretasi simbol dan penguasaan institusi-institusi politik

Perbincangan mengenai institusi politik, khususnya parti politik, sememangnya menunjukkan bagaimana agama memainkan peranan penting dalam menentukan pilihan. Kajian Funston (1980) misalnya, tentang UMNO dan PAS, secara jelas menunjukkan bagaimana punca perbalahan atau konflik antara kedua-dua parti itu adalah atas dasar agama. Disebabkan agama adalah teras kepada sistem nilai itu sendiri (Wan Abdul Kadir,2000) jadi pihak yang dilihat 'memperjuangkannya' mendapat perhatian dan sokongan orang Melayu.

38 - Lihatumpamanya Funston (1980)

Selain Funston pengkaji lain yang membuat penelitian mengenai agama dan politik Melayu ialah Farish Noor (1999a). Farish membahaskan betapa perbincangan mengenai politik di kalangan orang Melayu adalah bersumberkan pertarungan nilai dan makna dalam politik Melayu dan ini termasuk perbincangan mengenai nilai Islam itu sendiri. Beliau (1999a:161) merumuskan bahawa,

The dominant framework of values in the Malay political world for the past five centuries has been Islamic in character...

Tulisan Farish ini merupakan antara tulisan penting yang membahaskan persoalan nilai dalam tingkahlaku politik secara terperinci. Cuma zaman yang dipilih untuk meneliti persoalan ini ialah pra September 1998.

Hussin Mutalib (1993) turut menyumbang kepada khazanah penulisan mengenai agama dalam kehidupan orang Melayu. Bermula dengan catatan sejarah mengenai perkembangan kesedaran Islam, beliau memfokus kepada persoalan ‘kenegaraan Islam’ (Islamic State) yang sekaligus menunjukkan betapa pentingnya nilai agama dalam membicarakan apa sahaja berhubung dengan orang Melayu terutama politik. Dalam tulisannya itu beliau (1993:26) menekankan,

Islam...occupies a pivotal position in Malay political culture and psyche

Persoalan Negara Islam menjadi pokok perbincangannya dan seperti sarjana lain yang telah disebutkan di atas, persoalan ini masih menjadi perbahasan, persaingan dan punca pertelingkahan antara dua parti - UMNO dan PAS - melibatkan

pengikut dan penyokongnya. Politik Melayu yang menyentuh Islam secara langsung adalah menjadi medan pertarungan yang panjang antara dua parti tersebut.

Ringkasnya penulisan Hussin Mutalib (1993) cuba memaparkan bagaimana Islam telah menjadi sebat dengan orang Melayu dalam era kebangkitannya dan kemudiannya membawa kepada debat Negara Islam. Persoalan siapa sebenarnya memperjuangkan Negara Islam kemudian menjadi faktor bagi rebutan pengaruh dan sokongan dalam persaingan UMNO-PAS yang telah berjalan sekian lama. Ini bertujuan untuk meraih sokongan orang Melayu atas isu Islam.

3.3.3 Kajian dan Penulisan Semasa Mengenai Politik Orang Melayu

Selain kajian dan tulisan yang menyentuh secara khusus mengenai orang Melayu dan dunia politik mereka sejak dari zaman feudal sehingga ke zaman pasca kemerdekaan seperti mana telah diuraikan di atas, terdapat juga kajian-kajian yang melihat tokoh, pergolakan politik dan isu-isu yang membabitkan politik etnik secara khusus. Antaranya ialah kajian oleh Ratnam (1965), Vasil (1971), Shamsul (1986) Means (1991) Case (1991,1994,1996,2002), Khoo Kay Jin (1992), Crouch (1993,1996a), Khoo Boo Teik (1995,1997,2000), James Chin (1997), Ahmad Atory Hussain (1998), Funston (1999, 2001a) dan Hillel (2001).

Di samping itu terdapat juga banyak kertas dan makalah mengenai politik semasa yang membicarakan politik Melayu secara langsung. Sebahagian daripadanya ialah oleh Shamsul (1988), Funston (2001b), Mohamad Abu Bakar (2002) Hussain Mohamad (2002), Hwang (2002), Rustam Sani (2001), Derichs (2001), Farish Noor (1999b), Hamayotsu (1999), Shakila Manan (1999), Muhammad Asri Mohd Ali (1999) dan Loh Kok Wah bersama Saravanamuttu (2003).

Namun kajian-kajian dan tulisan-tulisan ini tidak membincangkan mengenai nilai dan budaya politik secara khusus. Apa yang dipaparkan ialah mengenai perkembangan politik itu sendiri yang meneliti ketakutan atau pemimpin politik Melayu, mengenai pilihan raya, prestasi dan pengaruh parti politik, krisis dalam kepimpinan Melayu serta tekanan atau krisis politik yang dihadapi terutama krisis dalam sesebuah parti politik. Ini bukan bermakna persoalan budaya diketepikan langsung tetapi tumpuan penulisan lebih kepada perkara-perkara yang disebutkan di atas tadi. Ia lebih ketara pada penulisan popular mengenai politik orang Melayu yang banyak terdapat dalam pasaran.

Selain itu beberapa kertas oleh Rustam Sani, Muhammad Asri, Funston, Shakila Manan, Farish Noor dan Hwang, yang telah disebut di atas, menumpukan perhatian kepada pergolakan politik selepas pemecatan Anwar Ibrahim daripada Kerajaan dan parti dan turut membicarakan persoalan di sekitar gerakan reformasi. Manakala himpunan tulisan dalam Loh Kok Wah dan Saravanamuttu (2003) merupakan sorotan terkini mengenai perkembangan dan peristiwa politik yang terjadi pasca September 1998. Sekali lagi tumpuan bukan diberikan kepada persoalan budaya sebagai punca kepada pergolakan ketika itu.

Berbeza dengan kajian-kajian yang dibuat di negara ini, kajian-kajian terhadap masyarakat lain di dunia menunjukkan bahawa konsep budaya politik adalah satu bidang yang agak popular³⁹. Di sini beberapa kajian sahaja diperhatikan bagi melihat rumusan-rumusannya dan bagaimana elemen-elemen dalam budaya terutama nilai, berperanan dalam membentuk tingkah laku politik masyarakat.

39. Pembacaan sekali imbas terhadap jurnal-jurnal dalam bidang sains sosial akan menunjukkan begitu banyaknya kajian dan penulisan mengenai polongan aspek budaya politik. Lihat antaranya *American Political Science Review*, *Annals of the American Political Science Association (AAPS)*, *American Sociological Review* dan *British Journal of Sociology*, terutama di bahagian indeksnya.

Walaupun terdapat banyak kajian dalam masyarakat lain hanya dua dipilih untuk dibincangkan di sini. Kajian-kajian ini telah dibuat ke atas masyarakat Jepun dan Burma.

Takeshi Ichida yang menulis tentang budaya politik Jepun menegaskan bahawa perasaan kesetiaan dinilai amat tinggi dalam masyarakat Jepun sehingga persaingan antara individu atau kelompok sekalipun dilihat sebagai satu bentuk ‘kesetiaan’ iaitu ‘persaingan untuk membuktikan kesetiaan seseorang’(Ichida,1983:31). Dalam politik Jepun terdapat juga serangkaian nilai yang tidak dapat dipisah-pisahkan. Tiga nilai utama ini ialah keamanan, demokrasi dan kekeluargaan. Mengenai kekeluargaan katanya (1983:26):

The family-state idea which considered the imperial family as the main family in the nation and thus treated the relationship between emperor and his subjects as a form of family relationship, played an important role in strengthening national conformity'

Keluarga raja dilihat sebagai tunjang kepada keharmonian masyarakat dan menjadi keluarga induk kepada seluruh sistem keluarga di Jepun. Ini bermakna - dari segi politiknya - kestabilan dapat dibentuk dengan menuntut kepatuhan kepada nilai ini bagi seluruh anggota masyarakat.

Apa yang cuba ditunjukkan oleh Ichida (1983) ialah wujudnya satu bentuk budaya politik Jepun yang unik yang membolehkan Jepun terus bertahan dan mengukuhkan kedudukannya selepas dikalahkan dalam Perang Dunia ke 2. Sistem nilai Jepun inilah yang kemudiannya membolehkan negara tersebut bangkit untuk mengejar kemajuan seterusnya, menjadi sebuah negara kuasa ekonomi dunia yang dikagumi. Di dalam kajiannya, Ichida cuba menekankan bahawa pengetahuan

mengenai budaya politik menjadi teras kepada kefahaman mengenai kemajuan yang telah dicapai. Aspek ini amat sesuai untuk dikaitkan dengan kajian ini dalam konteks keperluan memahami budaya politik masyarakat Melayu sebagai titik tolak untuk mencari jawapan kepada pelbagai permasalahan yang timbul dalam masyarakat tersebut tidak kira dari segi kemajuan ekonomi, sosial atau politik.

Turut membicarakan persoalan nilai dalam politik ialah Gyi (1983) yang memaparkan nilai politik Burma (Myanmar). Yang menariknya ialah terdapat banyak persamaan asas - dari segi sistem sosial, budaya dan politik - antara masyarakat Burma dengan masyarakat Melayu. Misalnya sistem feudal dan kesan-kesannya yang sama-sama diwarisi oleh kedua-dua masyarakat ini.⁴⁰ Malah lebih jauh lagi ialah warisan sistem kerajaan yang sama dengan raja di satu pihak sebagai puncak kuasa dan rakyat di pihak yang lain sebagai hamba yang perlu taat kepadanya.

Kajian beliau berguna untuk melihat fenomena tingkahlaku politik Melayu. Ini boleh dilakukan terutama dalam konteks terdapatnya penerimaan oleh masyarakat terhadap nilai-nilai tertentu yang membolehkan satu pihak terus berkuasa dan memimpin masyarakat untuk jangka masa yang lama. Tumpuan perbincangan Gyi (1983:46) ialah pada persoalan bagaimana nilai-nilai ‘autokratik’ terbina dalam masyarakat Burma dan seterusnya membolehkan pemerintahan kuku besi mengambil tempat serta terus bertahan untuk jangka masa yang lama. Ketahanan sistem ini tidak diuji kerana sebarang penentangan terhadap kerajaan yang sedia ada dilihat sebagai satu bentuk pemberontakan (penderhakaan) dan dipandang sebagai tidak wajar.

⁴⁰ - Bagi masyarakat Burma ia menjadi jelas dengan perbezaan yang terjadi dalam bahasa misalnya - terdapat satu bahasa untuk golongan istana dan satu bahasa lain untuk orang awam (Gyi, 1985: 15)

Masyarakat Burma memberi penilaian yang tinggi kepada kesetiaan (Gyi,1983:46). Raja dilihat sebagai sangat mulia, sebaliknya rakyat dan orang awam menjadi ‘hamba’ yang tidak mempunyai status sosial atau martabat tertentu. Keistimewaan mendapat status sosial turut dirasai oleh mereka di sekeliling istana, iaitu golongan aristokrat terdiri daripada para menteri dan wakil-wakil Raja.(Gyi, 1983:20)

Daripada kajian Gyi(1983) beberapa persamaan antara masyarakat Burma dan masyarakat Melayu dapat dikesan. Ia boleh menjadi panduan bagi menjawab beberapa persoalan mengenai politik Melayu yang turut menekankan ‘kesetiaan’ kepada kerajaan (dan parti) yang berkuasa. Selain itu kaedah yang digunakan untuk membentangkan nilai-nilai politik memberikan satu panduan atau gambaran bagaimana sebuah kajian mengenai budaya politik boleh diusahakan.

Beberapa nilai yang didapati sama antara masyarakat Burma dan masyarakat Melayu ialah nilai ‘malu alah’(*deference*),⁴¹‘rasa takut’ pada golongan yang berkuasa dan ‘agama’. Rasa takut terhadap pemerintah telah bertapak sekian lama - sejak zaman raja-raja klasik yang dikatakan mempunyai kuasa mutlak (*absolute monarchies*). Raja Burma adalah autokrat dan kuasanya tidak terbatas (Gyi,1983:21),

... it is forbidden to rebel against those who are powerful and those whose station in life is above oneself
(ibid:64)

Raja juga dilihat sebagai ‘pelindung’ agama, seperti juga dalam masyarakat Melayu yang meletakkan Raja sebagai ketua agama⁴². Begitu juga dalam

41 - Dalam masyarakat Melayu, mengalah atau malu alah adalah nilai yang penting. Menurut Milne dan Mauzy (1986:47), misalnya, ‘Malay politics is characterised by deference’

42 - Perlombagaan Persekutuan Fasal 3 (2), (3)(5) dan Fasal 34 (1)

masyarakat Burma terdapat apa yang dipanggil sebagai, ‘*the Burmese way of doing things, the Buddhist method...*’(Gyi,1983:176) yang membayangkan satu kaedah atau cara yang dilakukan berdasarkan nilai-nilai masyarakat yang unik sifatnya. Dalam konteks politik sekurang-kurangnya ‘kesetiaan’ dan ‘perlu mengalah kepada yang lebih berkuasa’ merupakan nilai-nilai yang menggambarkan cara sesuatu tindakan perlu dilakukan menurut orang Burma. Dalam masyarakat Melayu juga nilai-nilai ini telah menjadi perhatian. Case (1996:166) misalnya, mengungkapkannya sebagai ‘*the Malay way*’.

Penelitian terhadap kajian dan tulisan mengenai politik masyarakat lain boleh membantu menjelaskan bagaimana konsep budaya politik itu sendiri dibentangkan - sama ada dengan memfokuskan kepada beberapa nilai utama sebagai menggambarkan budaya tersebut (Gyi,1983;Ichida;1983) atau melihatnya menerusi kaedah tinjauan dan mengutip nilai-nilai politik masyarakat yang terdapat daripada tinjauan tersebut (Reisinger dan lain-lain:1994).

Kebanyakan kajian dan tulisan yang disorot di atas memberikan gambaran jelas tentang kecenderungan politik orang Melayu sejak daripada zaman Kesultanan Melaka sehingga ke zaman kontemporari. Kajian-kajian dan tulisan-tulisan yang melihat era sebelum kemerdekaan termasuk zaman pra-kolonial lebih menumpu kepada struktur masyarakat dan budaya politik yang terhasil akibatnya, iaitu budaya politik berasaskan kepada feudalisme (Alatas;1968, Milner;1982, Shahruddin Maaruf;1988). Sumbangan terbesar daripada kajian ke atas *Sejarah Melayu* ialah konsep ‘waadah’ (ikat janji) antara pemerintah dan rakyat seperti diungkapkan oleh Zainal Kling (1999:16):

Sulalatus Salatin mempunyai keistimewaan yang unik dengan meletakkan perjanjian atau waadah sebagai asas perhubungan golongan yang memerintah dengan golongan yang diperintah.

Kajian dan tulisan pasca kemerdekaan dan seterusnya ke zaman kontemporari pula lebih banyak tertumpu kepada institusi politik dan cabaran terhadap sistem politik demokrasi yang diperkenalkan di penghujung zaman penjajahan. Ini misalnya banyak terdapat dalam kajian-kajian dan penulisan-penulisan oleh Milne (1967), Funston (1980) Milne dan Mauzy (1986,1999), Zakaria Ahmad (1989) Means (1991,1996) Crouch (1993,1996a,1996b), Case (1994,1996,1997,1999,2001,2002), dan Jesudason (1995).

Nampaknya kebanyakan pengkaji dan penulis melihat nilai taatsetia sebagai asas kepada hubungan antara dua pihak dalam politik Melayu - iaitu antara pemerintah dengan yang diperintah (Chandra Muzaffar,1979, Pillay,1978,1980, Milner,1991,1982, Shaharuddin Maaruf,1988, Ariffin Omar,1993 dan Shohana Hussin,1999). Nilai tersebut disokong pula oleh nilai budi.(Wan Abdul Kadir,2000). Di samping itu nilai utama yang lain dalam hubungan politik ialah agama atau Islam (Kessler, 1978, Syed Husin Ali,1979, Funston,1980, Nair,1997 dan Farish Noor,1998).

Dengan menganalisis nilai-nilai feudal yang dikatakan memberi kesan kepada perkembangan politik, Chandra Muzaffar (1979) telah memberikan satu perspektif tingkahlaku orang Melayu yang boleh dibincangkan lagi dalam menjelaskan fenomena politik mereka. Namun pendapat beliau bahawa sokongan orang Melayu kepada kerajaan yang berkuasa iaitu kerajaan Perikatan/Barisan Nasional/UMNO, adalah kerana mantapnya pegangan kepada nilai ketaatsetiaan

dalam masyarakat Melayu perlu diteliti lagi selepas September 1998 yang menyaksikan pergolakan dan perkembangan baru yang belum kelihatan sebelum ini.

Tulisan beliau telah menyumbangkan satu perspektif yang penting dalam menjalankan kajian ini, sekurang-kurangnya dalam mengarahkan perbincangan tentang peranan nilai taatsetia dalam tingkahlaku politik. Saranan beliau tentang ‘kesetiaan’ dalam masyarakat Melayu sukar disanggah kerana ia juga dapat dikesan oleh pengkaji dan penulis lain.⁴³ Cuma usaha meneruskan pemeriksaan secara lebih mendalam terhadap nilai kesetiaan atau ketaatsetiaan bagi melihat sejauhmana ia dimanifestasikan sebagai sejenis tingkahlaku yang dilahirkan dalam bentuk kepatuhan tanpa soal dalam apa keadaan sekalipun adalah perlu untuk memastikan pengaruhnya dan mengesan perubahan yang bakal terjadi sekiranya ia (taatsetia) menjadi lemah atau tidak penting.

Means (1991) memberi isyarat bahawa pergolakan baru mula terjadi dalam UMNO selepas berlaku perubahan kepada kumpulan teras dalam parti tersebut - daripada kalangan aristokrat tradisional dan orang kenamaan yang disokong oleh para guru sekolah kepada kaum profesional muda yang lahir selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970. Keadaan ini menggambarkan konflik dalam persepsi tentang sokongan dan kepimpinan, dan persoalannya yang berkaitan iaitu ketaatsetiaan,

...the ideals of competitive and representative democracy would come into conflict with the more traditional view that leaders should command loyal followers
(Means, 1991:148)

⁴³ - Shohana Hussain (1999) dan Mohd Koharuddin (1999)

Cabaran terhadap konsep ‘taatsetia’ dalam struktur masyarakat Melayu yang memungkinkan kelahiran satu gerakan atau gelombang untuk mempersoalkan kepimpinan dan parti yang berkuasa mungkin mula kelihatan. Namun Means tidak melihat potensi ini sebagai sesuatu yang pasti terjadi. Krisis-krisis yang melanda UMNO pada tahun 1980-an dan 1990-an mungkin memberikan takrif baru bagi ‘taatsetia’ dan mungkin meletakkannya semula di atas prinsipnya yang asal iaitu ‘taatsetia adalah selalunya bersyarat’ (Koharuddin, 1999:162)

Tulisan Means (1991) membantu menjelaskan entiti UMNO itu sendiri - adakah UMNO mewakili satu set nilai yang tersendiri yang orang Melayu terima dan pegang kepadanya ataupun tidak. Kedua, ialah berkenaan konflik tadi di mana mereka yang mempunyai latarbelakang sosio-ekonomi yang berbeza daripada kumpulan pengasas dan angkatan awal UMNO mula mempersoalkan set nilai golongan tersebut terutama dalam konteks ‘taatsetia’.

Berbeza dengan hujah dan pendirian yang diambil oleh beberapa pengkaji yang telah dibincangkan di atas, kajian ini cuba menyarankan penelitian khusus terhadap nilai-nilai tadi. Kajian ini cuba menunjukkan bahawa sesuatu nilai seperti ‘kesetiaan’ berfungsi menurut beberapa ‘peraturannya’ yang tersendiri. Ini bermakna nilai ‘kesetiaan membuta tuli’ bukan menjadi satu nilai dalam masyarakat Melayu malah apa yang terjadi ialah kesetiaan tersebut tunduk kepada syarat atau peraturan tertentu. *Pemerihalannya dibuat dalam Bab 6 dan Kesimpulan di bawah.*

Kesemua kajian dan penulisan yang telah dilihat di atas berhubung dengan nilai taatsetia menunjukkan budaya politik Melayu amat bergantung kepada nilai ini sama ada ia dianggap bersifat buta-tuli seperti yang dirakam di zaman pra-

Islam atau yang ditafsir semula sesuai dengan kehendak Islam (Shohana Hussin, 1999:73).

Kajian mengenai nilai adalah sangat terhad, sebaliknya kajian mengenai pelbagai aspek politik didapati agak banyak.⁴⁴ Tidak seperti kajian dalam masyarakat lain yang disebutkan di atas yang memberikan fokus khusus kepada persoalan nilai dalam budaya politik, di kalangan orang Melayu apa yang diperhatikan ialah seseorang perlu meneliti peristiwa atau perkembangan politik termasuk meneliti bahan-bahan kajian atau penulisan, kemudian cuba menafsir apa yang terkandung di dalamnya bagi mengesan budaya politik tersebut.

Apabila terjadi peristiwa seumpama Peristiwa September 1998⁴⁵ dan gerakan penentangan yang lahir akibat daripada itu, ia membayangkan betapa kebangkitan dan penentangan itu dipengaruhi oleh sistem nilai orang Melayu itu sendiri. Persoalannya ialah apakah nilai-nilai yang dinyatakan sebagai nilai-nilai masyarakat tersebut seperti ketaksetiaan, budi dan agama memainkan peranan dalam membangkitkan perasaan membawa kepada tindakan menerusi ‘penentangan’ terhadap parti politik Melayu yang selama ini dikira sebagai ‘pelindung’ hak dan kepentingan mereka? Bagaimana pula dengan tafsiran ‘taatsetia’ yang agak berbeza iaitu ‘keperluan untuk mengalah’ seperti yang telah ditegaskankan oleh Kessler (1993:148)?

Malay political culture is not a 'culture of silence' nor a culture of blind obedience but a culture of deference - a culture, if one is to survive, of necessary, often ambivalent, and at times even dissimulating deference (Kessler 1993:148)

44. Antaranya berhubung dengan parti politik lihat Moore (1960), Vasil (1971), Manderson (1980), Tengku Mahmood Tengku Ismail (1990), mengenai politik Malaysia, Gullick (1963), Milne (1967), Von Vorys (1970), Means (1976), Mohammad Agus Yusoff (1992), Khoo Boo Teik (1997), Ramliyah Adam (1998), mengenai tokoh atau pemimpin politik, Chandran (1993), Case (1996), Milne dan Mauzy (1999) dan Kamaruddin Jaffar (2000).

45. Ia merujuk kepada peristiwa pencucutan Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim daripada UMNO oleh Perdana Menteri atas tuduhan rasuah dan salah laku seks

Perbincangan mengenai tulisan-tulisan dan kajian-kajian ini bertujuan untuk menegaskan bahawa terdapat nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat yang dimanifestasikan dalam beberapa perkembangan politik. Ia tidak menunjukkan parti manakah yang menjadi pilihan anggota masyarakat kecuali secara agak longgar seperti kecenderungan terhadap Islam dan sokongan kepada parti politik yang dilihat mempunyai kecenderungan terhadap politik Muslim misalnya . Selain daripada itu hubungan-hubungan lain adalah kurang jelas.

Selain memperoleh paparan satu set nilai yang dikatakan wujud ia seharusnya dikaitkan pula dengan peristiwa politik yang terjadi, termasuk tindakan oleh masyarakat atau pada penyertaan dalam sebarang kegiatan politik atau reaksi-reaksi yang mempengaruhi perkembangan politik.

Maksudnya ialah dalam konteks kajian nilai bukan sahaja dipastikan tetapi yang lebih penting ia perlu dilihat dalam konteks ‘perubahan’ yang terserlah pada satu-satu masa. Di sini usaha dibuat untuk menguji nilai yang telah dikenalpasti - dalam konteks kajian ia diuji dengan mendapat respons selepas terjadinya peristiwa September 1998, di mana Anwar Ibrahim, turut di tangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan keganasan yang dilakukan ke atas beliau oleh Ketua Polis Negara ketika itu sehingga menyebabkan kecederaan pada mata dan tulang belakang beliau⁴⁶. Seterusnya diperhatikan juga apa yang dikatakan ‘perubahan’ yang berlaku dalam aspek sokongan orang Melayu kepada parti politik yang berkuasa yang dizahirkan melalui pilihan raya.

Rumusannya ialah keadaan-keadaan atau peristiwa-peristiwa politik serta proses-proses politik boleh dilihat sebagai hasil pegangan kepada sistem nilai

⁴⁶ – Anwar mendakwa kesakitan teruk yang dialami di bahagian belakangnya ialah akibat dipukul oleh Ketua Polis Negara waktu itu. Lihat juga Laporan Suruhanjaya Siasatan Kecederaan ke atas Anwar (1999)

masyarakat - sama ada di kalangan elit mahupun golongan massa , tidak kira di zaman pemerintahan tradisional mahu pun di zaman moden.

Apa yang perlu diperhatikan dalam kajian-kajian dan tulisan-tulisan tentang politik orang Melayu ialah apakah pegangan, kepercayaan dan nilai di kalangan mereka berkenaan kuasa, kepimpinan, kepartaian dan kerajaan misalnya. Seperti dalam tulisan Gyi (1983:156), didapati bahawa sikap-sikap lama - sebelum kedatangan penjajah - terus menjadi pegangan masyarakat. Kenyataan berikut mengungkapkan nilai-nilai yang mempengaruhi mereka,

*non-involvement with the government, fatalism,
and impolitic and useless to strive against those in authority*

Keadaan sedemikianlah yang membolehkan nilai-nilai '*authoritarian*' berkembang subur dalam masyarakat Burma. Pemahaman mengenai nilai akan menjadi faktor kritikal kepada parti-parti politik yang berusaha meraih sokongan.

Daripada kajian dan tulisan yang telah diteliti di atas kenyataan yang disimpulkan di sini ialah budaya politik Melayu sudah terbina sekian lama. Di dalamnya beroperasi beberapa nilai utama yang mencerminkan masyarakat yang berhirarki dan menuntut ketaatsetiaan terhadap mereka yang lebih berkuasa (Chandra,1979 dan Shohana,1999). Ketaatsetiaan tidak berdiri sendiri tanpa kehadiran keadilan kerana ia diberi berdasarkan kepada keadilan yang dijalankan oleh pemerintah (Koharuddin,1999).

Nilai-nilai tersebut diperkuuh dengan budi yang menjadi teras penting budaya Melayu (Tham Seong Chee,1977, Wan Abdul Kadir,1993). Di samping itu wujud juga konsep tradisionalisme yang merangkumi idea-idea lama

dalam masyarakat. Agama telah diterima sebagai nilai utama yang menentukan tingkahlaku masyarakat (Kessler, 1978). Oleh itu antara nilai yang dikesan daripada huraian di atas untuk diuji dalam kajian ini adalah ‘taatsetia’ ‘budi’ ‘agama’ ‘tradisionalisme’ dan ‘adil’.

Namun beberapa nilai tambahan turut dikemukakan untuk diuji dalam kajian. Nilai-nilai tersebut dipilih kerana sering menjadi bahan dalam ucapan dan perbualan oleh aktivis politik terutama pemimpin-pemimpin politik. *Senarai lengkap nilai ini telah dikemukakan dalam Bab 2 di atas.*

3.4 Sorotan Pilihan raya dan Prestasi Parti Melayu Utama

Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Walau bagaimanapun amalan demokrasi di negara ini dipersoal oleh banyak pihak bukan sahaja oleh parti-parti pembangkang dalam negara malah oleh kalangan pengkaji politik⁴⁷.

Salah satu amalan yang terus dijalankan dalam sistem ini ialah mengadakan pilihan raya berjadual sepertimana yang ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia. Pilihan raya bertujuan untuk memilih parti yang akan membentuk kerajaan dan mengisi perwakilan dalam Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri.

Bagi mengendalikan pilihanraya tersebut, sebuah suruhanjaya - Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia - yang ditubuhkan di bawah Fasal 114 Perlembagaan Persekutuan dipertanggungjawabkan mengendalikan segala urusan

⁴⁷ - Ramai penulis dan pengkaji berpendirian sedemikian dan hampir kesemua pengkaji barat dan beberapa pengkaji tempatan melihat demokrasi di Malaysia sebagai tidak mencepati kehendak demokrasi sebenar. Lihat misalnya, Crouch (1996a,b, 1993) Case (1992,1995,1996, 2002) Funston (2001), Zakaria Ahmad (1989), Jeaudason (1995, 1996) Milne dan Matuziy (1999) Vasil (1971) dan Meana (1996)

yang berkaitan dengan pilihan raya.(Information Malaysia Yearbook, 2002: 731). Ini termasuk mengurus dan menjalankan pilihan raya umum atau pilihan raya kecil.

Sebanyak sepuluh pilihan raya umum telah diadakan sejak negara mencapai kemerdekaan. Ia bermula dengan pilihan raya 1959 dan yang terakhir ialah pada 1999. Parti Perikatan telah memenangi setiap pilihan raya yang diadakan sejak 1959 sehingga 1969 dan mulai 1974 Barisan Nasional (BN) yang menambahkan lagi parti-parti baru dalam parti gabungan Perikatan yang asal telah memenangi kesemua pilihan raya yang diadakan selepas itu. *Lampiran C menunjukkan prestasi dua parti yang mewakili suara Melayu (UMNO dan PAS) dalam pilihan raya sejak 1959.*

Sejak kemerdekaan, dan dalam konteks politik Melayu, beberapa parti yang dilihat sebagai parti Melayu atau berasaskan kepada orang Melayu telah muncul. Walau bagaimanapun hampir kesemua parti tersebut sama ada tidak bertahan lama ataupun kurang mendapat sambutan dan hilang begitu sahaja daripada persada politik negara. Antara parti-parti yang hilang daripada peta politik Melayu ialah Parti Negara, Parti Melayu Semangat 46, Berjasa dan Hamim⁴⁸. Sementara itu walaupun masih wujud, Parti Rakyat Malaysia kurang mendapat sambutan orang Melayu dan kini bergabung dengan Parti Keadilan Nasional (PKN)⁴⁹. Ini bermakna hanya dua parti masih bertahan dengan mendapat sokongan besar orang Melayu - UMNO dan PAS.

Berdasarkan keputusan pilihan raya sejak 1959, UMNO boleh dikatakan meraih sokongan majoriti orang Melayu kecuali pada 1969 dan 1999. Dalam setiap pilihan raya UMNO mendapat tentangan yang kuat daripada PAS kecuali pada 1974 ketika PAS menyertai kerajaan campuran dengan BN. Untuk

48- Berjasa masih berdaftar tetapi aktivitiinya tidak kedengaran. HAMIM tidak kedengaran selepas pilihanraya 1995

49- Parti baru yang telah digabungkan dinamakan Parti Keadilan Rakyat.

beberapa ketika UMNO juga terpaksa bersaing dengan parti Melayu lain seperti PMS 46, Berjasa dan HAMIM semasa hayat Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dan kini berhadapan pula dengan PKN⁵⁰. Walau bagaimanapun persaingan sebenar boleh dikatakan adalah antara UMNO dan PAS.

Dalam bahagian ini sorotan ringkas akan dibuat terhadap beberapa pilihan raya yang pernah menyaksikan persaingan sengit antara UMNO dan PAS. Tiga pilihan raya dipilih bagi tujuan tersebut iaitu pilihan raya 1969, 1995 dan 1999. Selain pilihan raya 1999, pilihan raya 1969 merupakan pilihan raya paling genting bagi UMNO dan menyebabkan kemerosotan undinya berbanding apa yang diperolehi oleh PAS. Oleh kerana tumpuan kajian ini adalah bagi pilihan raya 1999, perbandingan dengan keputusan pada 1995 adalah perlu bagi mendapatkan gambaran sejauhmana kemerosotan itu terjadi.

Secara umum prestasi kedua-dua parti didapati turun naik. Pada pilihan raya 1959 - pilihan raya pertama selepas kemerdekaan - PAS berjaya memenangi Kelantan dan Terengganu walaupun kehilangan Terengganu dua tahun selepas itu akibat tindakan wakil-wakilnya di Dewan Undangan Negeri yang keluar daripada parti itu dan menyertai UMNO.

Pada pilihan raya 1969 sekali lagi kedudukan UMNO digugat. Kali ini bukan kerana kehilangan negeri tetapi kemerosotan undi, di mana UMNO mendapat 54.5 % undi popular (tetapi 41.4% sahaja undi Melayu) berbanding 37.4% bagi PAS (Ratnam dan Milne,1970:224). Pilihan raya 1990 juga memperlihatkan kemerosotan sedikit sokongan bagi BN terutamanya bagi UMNO di kawasan-kawasan yang mempunyai majoriti pengundi Melayu (Jomo,1996:108).

50- PKN turut dilihat sebagai parti berasaskan Melayu walaupun ia bergerak atas pentas pelbagai kaum

Pada Mac 1978, BN telah merampas Kelantan setelah PAS bersama dengan BN selama empat tahun dalam kerajaan campuran dan disingkir pada 1977. Selepas itu prestasi UMNO bertambah baik dalam pilihan raya 1982 dan 1986. Pada pilihan raya 1990, sekali lagi UMNO kalah di Kelantan dan negeri tersebut dirampas semula oleh PAS bersama rakan-rakannya dalam APU. Pilihan raya terakhir pada 1999 menyaksikan PAS menambahkan kerusinya dalam Parlimen dan DUN ; dan pada masa yang sama kembali menguasai Terengganu dengan majoriti lebih dua pertiga. Pilihan raya ini juga menyaksikan undi popular PAS mengatasi UMNO.

Pilihan raya diadakan di Malaysia sebagai salah satu ciri demokrasi, namun ia dilihat sebagai hanya satu cara mengesahkan bahawa demokrasi masih wujud di negara ini. Beberapa sarjana mengkritik amalan demokrasi di Malaysia dengan mengambil contoh perjalanan pilihan raya sebagai bukti ketidaksempurnaan demokrasi di negara ini. Menurut Jomo (1996:90) misalnya,

Malaysian elections have increasingly served to maintain and legitimize those already in power, with national political leadership determined by the contest for the United Malays National Organization (UMNO) leadership, rather than the national electoral process.

Sistem pilihan raya telah berubah dari masa ke masa dan menerusi perubahan-perubahan ini juga nampaknya ruang ditambah bagi mengukuhkan dominasi BN dan UMNO (Jomo,1996:94). Oleh itu kemenangan sesuatu parti khususnya parti pemerintah tidak boleh disimpulkan sebagai sokongan sebenar bagi parti tersebut. Dalam sistem politik di Malaysia termasuk sistem pilihan rayanya terdapat banyak halangan di samping kuatkuasa undang-undang dan peraturan yang menyebabkan suara-suara alternatif tidak dapat disampaikan kepada pengundi (Jomo,1996:109).

Kekerapan pilihan raya di Malaysia tidak bermakna parti-parti pembangkang mendapat ruang yang saksama dari segi penyertaan dalam sistem demokrasi yang wujud. Mungkin juga peranan pilihan raya itu sendiri boleh dibahaskan sepetimana dilakukan oleh beberapa sarjana (Jomo 1996,Crouch 1996b) Berapa kerap pilihan raya diadakan juga tidak mengubah natijahnya - kerajaan yang memerintah itulah yang selalunya menang. Pengkritik terhadap sistem perjalanan pilihan raya menyatakan ia lebih menjadi alat atau berfungsi sebagai satu upacara supaya pemerintahan yang *authoritarian* boleh diselindungi. Crouch (1996b:114) misalnya berpendapat:

In view of the ruling coalition's unbroken record of success, at least at the national level, it might be argued that elections in Malaysia are really no more than a ritual providing a cloak of legitimacy for what is really authoritarian rule

Sistem pilihan raya di Malaysia dibentuk sebegitu rupa sehingga amat sukar bagi pembangkang untuk menewaskan kerajaan (Crouch,1996b:115). Di kawasan majoriti Melayu prestasi BN yang diwakili UMNO, adalah baik jika pilihan raya 1974, 1978, 1982 dan 1986 dijadikan ukuran. Pada tahun 1974 PAS menjadi sebahagian daripada kerajaan BN. Pada tahun 1978 UMNO cuma kehilangan lima kerusi dan satu kerusi sahaja pada 1986. Sebaliknya pada tahun 1990 ia kehilangan 15 kerusi ke tangan PAS dan Semangat 46 (Crouch,1996b:120). Persaingan sengit untuk mendapatkan undi Melayu sehingga 1990, boleh dikatakan hanya berlaku antara UMNO dan PAS (Crouch,1996b:121). Apa yang jelas ialah pada tahun-tahun 1978, 1982 dan 1986 sokongan secara keseluruhan bagi PAS berada pada tahap antara 16.4% ke 17.7% tetapi pada tahun 1990 ia telah naik kepada 25.2% dengan kehadiran PMS 46 (Crouch,1996b:121). Crouch (1996b:121) juga merakamkan,

Malay support for PAS between 1978 and 1986 amounted to about 30% of the Malay votes in the Peninsula.

Pada keseluruhannya peluang bagi pembangkang menggantikan BN sebagai parti kerajaan adalah amat tipis sekali berdasarkan realiti politik di Malaysia dan bagaimana pilihan raya itu sendiri dikendalikan. Gambaran pesimis seperti ini diungkapkan dalam kenyataan Crouch (1996b:121) seperti berikut,

...the UMNO-dominated government gerrymandered the electoral system, mobilized bureaucratic manpower and other facilities during elections, controlled the press, distributed bountiful patronage to its supporters, and occasionally detained opponents under the Internal Security Act. But it also sought popular support by implementing policies that brought direct benefits to the Malay community, or at least significant parts of it

Pada pilihan raya 1969, prestasi UMNO telah merosot, malah ia telah kehilangan sokongan (*lost ground*) kerana gagal memenuhi keperluan masyarakat Melayu sedangkan terlalu banyak kelebihan diberi kepada orang bukan Melayu khususnya masyarakat Cina (Crouch,1996b:125). Perikatan telah memenangi pilihan raya tersebut namun keputusannya jelas menunjukkan UMNO semakin hilang tempat berhadapan dengan pembangkang Melayu (Crouch,1996b:124).

Antara 1963 dan 1965, kebangkitan PAS adalah agak jelas dan ia “*...had seen a ...substantial increase in its appeal among the Malay masses*” (Vasil,1972:24). Perikatan memperolehi 48.4% undi keseluruhan berbanding 58.4% yang didapatnya pada pilihan raya 1964 (Crouch,1996b:124). Secara signifikannya bahagian undi yang diperolehi PAS bertambah daripada 14.5% kepada 23.8% (Crouch,1996b:124).

Pilihan raya 1969 turut menyaksikan beberapa tokoh yang bertanding menerima kejutan. Selain seorang menteri yang kalah di Kedah, Senu Abdul Rahman, (Vasil,1972:36), majoriti yang diperolehi oleh yang lain turut terjejas antaranya Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman sendiri yang hanya mendapat majoriti 3504 undi (pada pilihan raya 1964 majoriti beliau ialah 11,647), Tun Razak 8925 undi (1964 - 10,147) dan Khir Johari 2275 undi sedangkan pada 1964 majoritinya ialah 10,680 (Vasil,1972:37).

UMNO telah menerima pukulan hebat di utara dan timur Semenanjung, terutama di Kedah di mana ia memperolehi hanya 14 daripada 24 kerusi negeri berbanding 23 daripada 24 kerusi pada dua pilihan raya sebelumnya (*ibid*). Prestasi UMNO dapat diperhatikan seperti dalam Jadual 3.1 dibawah.

Daripada jadual di bawah jelas bahawa apabila terdapat pengundi Melayu secara majoriti di sesuatu kawasan pilihan raya, iaitu melebihi 90%, UMNO sukar untuk memenanginya, sebaliknya prestasinya menjadi lebih baik di kawasan-kawasan yang mempunyai majoriti Melayu kurang daripada 90%. Bagi kerusi Parlimen di Semenanjung, Ratnam dan Milne (1970:220) pula mendapati bahawa peratus undi Melayu yang diterima oleh UMNO dan PAS adalah hampir sama di mana UMNO memperolehi 41.4% undi dan PAS 40.2%.

Bagi tujuan kajian ini dua pilihan raya perlu diteliti untuk mendapatkan gambaran jelas mengenai sokongan yang diperolehi oleh UMNO dan PAS. Bagi pilihan raya 1995 dan 1999, parti-parti pembangkang telah mengadakan pakatan bagi menghadapi BN. Pada 1995, kerjasama PAS dengan PMS 46 dan beberapa parti kecil yang lain dalam gagasan APU diteruskan walaupun PMS 46

berada di penghujung riwayatnya⁵¹. Pada 1999 pula pakatan baru pembangkang menyaksikan kelahiran Barisan Alternatif (BA) yang menggabungkan PAS, PKN, PRM dan DAP.⁵² Ini bermakna tentang yang diberi terhadap BN oleh pembangkang adalah lebih padu berbanding sebelum 1990 di mana setiap parti pembangkang yang wujud ketika itu berhadapan dengan BN secara bersendirian.

Jadual 3.1

Prestasi UMNO di kawasan pilihanraya bermajoriti Melayu (Semenanjung Malaysia)

	Tahun					
	1959		1964		1969	
	Menang	Kalah	Menang	Kalah	Menang	Kalah
Pengundi Melayu 90 % dan ke atas	2	11	4	8	4	8
Pengundi Melayu kurang daripada 90 %	11	3	15	1	13	3

(*Sumber: disesuaikan daripada Vasil, 1972:38*)

Pada pilihan raya 1995, BN memperolehi kejayaan yang jauh lebih baik dan mengatasi keputusan yang diperolehnya pada 1990. Ia mendapat 65.04 undi popularnya dengan 162 kerusi sedangkan pada 1990 ia hanya mendapat 127 kerusi dengan undi popularnya 53.4%. Bagi parti-parti pembangkang jumlah kerusi yang dimenangi turun daripada 53 kerusi kepada 30 kerusi sahaja. Sekiranya hanya kerusi yang dimenangi PAS dan PMS 46 diambil kira, kedua-duanya memenangi 13 kerusi berbanding 15 kerusi pada 1990. Di peringkat negeri di Semenanjung, seperti yang terdapat dalam Jadual 3.2 di bawah (halaman 180), PAS dan PMS 46 mendapat 44 kerusi berbanding 52 pada tahun 1990.

51- Pilihan raya 1995 merupakan pilihan raya terakhir bagi PMS 46. Ia dibubarkan pada 1996

52- Iaitu pakatan yang dinamakan BA. Mengenai BA lihat halaman 178 di bawah.

Kejayaan UMNO merampas semula beberapa kerusi yang terlepas pada pilihanraya lepas (iaitu tahun 1990) terutama di Kelantan dan Terengganu menunjukkan betapa prestasi kali ini adalah antara yang terbaik bagi parti tersebut. Kerusi-kerusi yang dimenangi kebanyakannya merupakan bekas kerusi PMS 46.

Bagi kerusi-kerusi yang mempunyai majoriti pengundi Melayu melebihi 80%, BN yang diwakili UMNO mencapai kejayaan yang lebih besar. UMNO berjaya mendapat semula 2 kerusi di Kelantan (berbanding tidak satu pun kerusi pada tahun 1990) dan di Terengganu mendapat 7 kerusi berbanding 6 pada 1990. Jumlah undi yang diperolehnya juga bertambah pada kali ini di negeri-negeri tersebut. Misalnya di Tumpat, Kelantan, calonnya mendapat 15,859 undi dan kalah sebanyak 1728 undi kepada calon PAS berbanding pencapaian 12,196 undi pada 1990 dengan kekurangan undi sebanyak 12,362 waktu itu. Jadual 3.3. di bawah menunjukkan perbezaan undi antara 1990 dan 1995 yang diperolehi parti tersebut di Kelantan.

Jadual 3.2
Keputusan Pilihan Raya Bagi Kerusi Parlimen dan Negeri (1990 dan 1995)

Parti	Peratus Undi Parlimen yang diperolehi		Jumlah Kerusi yang dimenangi			
	Tahun		Tahun			
	1990	1995	1990 Parlimen	1995 Parlimen	1990 Negeri	1995 Negeri
BN	53.4	65.0	127	162	253	339
PMS 46	15.1	10.2	8	6	19	11
DAP	17.6	12.2	20	9	45	11
PAS	6.7	7.4	7	7	33	33
PBS	2.3	3.3	18	8	-	-
Parti-Parti Lain	1.7	1.1	-	-	-	-
Calon Bebas	3.2	1.2	-	-	-	-
Jumlah	100.0	100.4	180	192	350	394

(Sumber: disesuaikan daripada Laporan-Laporan Pilihan raya Tahun 1990 dan 1995 terbitan SPR)

Jadual 3.3

Prestasi UMNO dalam Pilihan Raya 1995 berbanding 1990 bagi kawasan terpilih[^]

Kawasan Pilihanraya (Parlimen)				
	Jumlah Undi (1990)	Jumlah Undi (1995)	Majoriti Kekalahan (1990)	Majoriti Kekalahan (1995)
Tumpat	12196	15589	12362	1728
Bachok	12518	16346	12254	4992
Kuala Krai	8471	11727	9895	3206
Rantau Panjang	11841	11799	6777	4505
Kubang Kerian*	11457	11252	8139	10125
Kota Bharu	12106	17828	15460	6268
Pasir Mas	10776	16256	9290	2475
Tanah Merah	11183	14485	9525	506
Pasir Putih	10104	18184	7720	3654
Machang	8206	12959	7738	3039

(Sumber: SPR dan The New Straits Times, 22 Oktober 1990)

[^] Kawasan yang dipilih adalah semuanya di Kelantan kerana di negeri tersebutlah UMNO kalah teruk pada pilihan raya 1990 dan prestasinya bertambah baik pada pilihan raya 1995

* Pada pilihan raya 1990 kawasan ini dinamakan Nilam Puri

Daripada jadual di atas adalah jelas bahawa UMNO menambahkan undi di kawasan yang dianggap sebagai kubu pembangkang, khususnya PAS, kecuali bagi kawasan Kubang Kerian

Pilihan Raya 1999

Pilihan raya 1999 memperlihatkan keputusan yang paling menakjubkan dalam sejarah pilihan raya Malaysia. Walaupun BN menang dengan mendapat lebih dua pertiga majoriti dalam Parlimen tetapi secara keseluruhannya ia bukan kemenangan yang disenanginya. Prestasinya merosot dari segi peratusan undi dan di peringkat negeri pembangkang telah menewaskannya di beberapa kawasan.

Selain Kelantan yang masih dapat dikekalkan oleh PAS dengan majoriti yang bertambah di beberapa kawasan, serta penambahan kerusi yang sebelum itu terlepas kepada UMNO pada pilihan raya lepas, negeri Terengganu pula telah jatuh ke tangan PAS. BN telah menang tetapi UMNO mencapai prestasi terburuknya (Weiss, 2000b:414). BN memperolehi 56.5% daripada undi popular - turun hampir 9% daripada apa yang dicapainya pada 1995. Ini menunjukkan betapa sokongan terhadap UMNO merosot begitu ketara di mana parti tersebut hanya berjaya mengekalkan 72 kerusi berbanding 89 pada pilihan raya lepas.

Bagi BA dan PAS khususnya, keputusan kali ini adalah keputusan yang bersejarah kerana bukan sahaja ia dapat menambahkan lagi sebuah negeri tetapi dalam hampir semua kawasan majoriti Melayu ia telah menewaskan UMNO. Di peringkat negeri ia menambahkan lagi kerusi di Kelantan dan berjaya merampas semula Terengganu selepas 38 tahun. Di Kelantan BA hanya kehilangan 1 kerusi Parlimen dan dua kerusi negeri manakala di Terengganu ia menyapu kesemua kerusi Parlimen dan 28 daripada 32 kerusi negeri. Di Kedah juga pencapaian BA yang diwakili PAS adalah yang terbaik bagi pembangkang. Di sini PAS telah memenangi 8 daripada 15 kerusi Parlimen dan 12 daripada 36 kerusi negeri. Ia turut mendapat tempat di Perak, Perlis, Pahang dan Selangor. Hanya di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor di Semenanjung sahaja PAS atau PKN tidak mendapat sebarang kerusi⁵³.

Sementara PAS dan PKN menambahkan kerusi dan memperbaiki prestasi di negeri-negeri tersebut, prestasi UMNO yang mewakili BN didapati merosot. Bagi kerusi-kerusi majoriti Melayu melebihi 80%, undi yang diterima oleh UMNO didapati telah merosot banyak dan di beberapa kawasan UMNO hanya

53 -Rakan BA yang lain iaitu DAP telah mendapat 1 kerusi Parlimen dan 5 kerusi Dewan Undangan Negeri di Melaka. Hanya di Johor dan Negeri Sembilan (di Semenanjung) sahaja BA tidak mendapat sebarang kerusi

menang tipis. Jadual 3.4 di bawah menunjukkan prestasi yang dicapai di kawasan-kawasan yang disebutkan itu.

Jadual 3.5 (halaman 176) pula menunjukkan prestasi yang dicapai oleh UMNO di kawasan-kawasan pilihan raya yang mempunyai 50% ke atas pengundi Melayu di Selangor. Daripada 40 kerusi yang mempunyai majoriti pengundi Melayu di Semenanjung, UMNO telah memenangi hanya 10 kerusi sahaja berbanding 27 pada pilihanraya 1995⁵⁴ seperti yang terdapat pada Jadual 3.6 di bawah.

Selain keputusan yang agak luar biasa, pilihan raya 1999 juga menyaksikan kekalahan empat orang menteri dan enam orang timbalan menteri. Antara menteri kanan yang hampir menerima kekalahan ialah Najib Tun Razak yang menang dengan majoriti tipis 241 undi di Pekan (lihat Jadual 3.4 di bawah).

Jadual 3.4

Kerusi majoriti Melayu (80% ke atas) yang dimenangi UMNO bagi kawasan Parlimen, Semenanjung Malaysia, 1999 dan 1995

Kawasan Pilihanraya (Parlimen)	Jumlah Pengundi		Undi diperolehi		Majoriti yang diperolehi	
	1995	1999	1995	1999	1995	1999
Padang Besar	33295	32478	17013	14386	10070	4519
Arau	34665	36031	16226	15297	6929	1586
Langkawi	21719	23081	11977	12349	8425	6547
Kubang Pasu	44843	45925	24495	22399	17226	10138
Pekan	34307	35832	17004	13148	10793	241
Paya Besar	47684	53281	25551	17186	16759	3563
Maran	41406	42988	22372	18259	14046	3748
Rompin	33069	34321	18531	15907	12825	6028
Alor Gajah	46363	51303	29652	24615	25096	12332

(Sumber: SPR dan Information Malaysia Yearbook 2002)

⁵⁴ Lihat misalnya analisis dalam Strategy Info Research Development, (2000) Dilema UMNO: Analisa Pilihanraya Umum 1999

Jadual 3.5

Prestasi UMNO bagi kerusi Parlimen bermajoriti Melayu 50% ke atas yang dimenangi di Selangor, 1999 dan 1995

Kawasan Pilihanraya (Parlimen)	Jumlah pengundi		Undi diperolehi		Majoriti yang diperolehi	
	1995	1999	1995	1999	1995	1999
Sabak Bernam	34887	34035	17978	11809	14452	901
Tg Karang	41160	42109	20962	15841	15818	2075
Kuala Selangor	49730	52469	28287	23610	23460	9920
Gombak	67634	73945	38763	28113	30878	803
Hulu Langat	66647	70819	38172	27724	30812	3761
Shah Alam	85202	92737	50966	35851	40715	1440
Kuala Langat	53718	57430	28401	24878	19211	8020
Sepang	52071	54161	26022	23069	15669	7162

(Sumber : SPR dan Information Malaysia Yearbook 2002)

Jadual 3.6

Perbandingan kerusi majoriti Melayu Semenanjung yang dimenangi parti yang bertanding, 1995, 1999

Tahun	UMNO	PAS/S 46	PKN
1995	27	13	-
1999	10	27*	3

(Sumber: disesuaikan daripada Laporan Pilihanraya SPR dan Information Malaysia Yearbook 2000)

* PAS sahaja

Kawasan Parlimen Shah Alam

Kawasan pilihan raya ini adalah kawasan yang agak baru dan hanya dijadikan satu kawasan Parlimen pada 1995. Sebelum itu kawasan ini berada di bawah dua kawasan Parlimen lain - Parlimen Petaling dan Klang sebelum diwujudkan kawasan baru dengan nama Shah Alam. Kawasan ini mempunyai 93,468 pengundi berdaftar pada 1999. Daripada jumlah ini 60.54% adalah pengundi Melayu,

dan 39.46% etnik lain.⁵⁵ Bagi kerusi ini kecenderungan yang diperhatikan ialah sama seperti di tempat lain; keputusannya agak memerlukan kerana calon BA hampir mengalahkan calon BN.⁵⁶

BA diwakili oleh PKN yang mengemukakan calonnya yang agak terkenal, Ezam Mohd Noor. Beliau merupakan Ketua Pemuda parti berkenaan. Berdasarkan keputusan pilihan raya 1995, kawasan ini memberikan kemenangan selesa kepada BN dengan mendapat keputusan majoriti yang tertinggi di negeri ini. Pada tahun tersebut BN telah menang dengan majoriti 40,715 undi (seperti yang terdapat dalam Jadual 3.5 di atas), tetapi pada 1999 calon BN hanya menang dengan 1440 undi - pengurangan sebanyak 39,275 undi atau 96.5%. Keputusan tersebut memperlihatkan kecenderungan sama sepertimana yang terjadi di tempat-tempat lain. Malah kawasan ini hanya mempunyai majoriti Melayu yang agak kecil - 58.1% - tidak seperti beberapa kawasan di utara dan timur Semenanjung yang mempunyai majoriti Melayu yang lebih besar.

Sebagai rumusan, walaupun pilihan raya di Malaysia dikritik sebagai tidak mempunyai apa-apa makna namun ia membantu memberikan gambaran tentang tahap sokongan yang diterima oleh parti-parti yang bertanding. Pada masa yang sama terdapat banyak halangan untuk parti-parti pembangkang untuk menyertai sistem pilihan raya secara yang lebih adil.

Keadaan ini telah memberi kelebihan kepada parti yang memerintah - BN - dan khususnya komponen utamanya UMNO. UMNO sebagai salah satu

55 - Suruhanjaya Pilihanraya Negeri Selangor dan Information Malaysia Yearbook 2002:774

56 - Malah menurut seorang responden utama, En Bushru, BN telah kalah tetapi di saat akhir dengan kemasukan undi daripada peti yang tidak dapat dipastikan sumbernya, membolehkan ia menang

daripada dua parti yang berpengaruh di kalangan orang Melayu seringkali memenangi pilihanraya -pilihan raya dengan agak mudah.

Namun pada pilihan raya 1999, keadaan ini telah berubah dan UMNO menerima kekalahan di kawasan majoriti Melayu (*the Malay belt*) di utara dan timur Semenanjung. Dalam konteks kajian, UMNO turut menunjukkan prestasi yang agak tercorot di tempat-tempat lain termasuk di kawasan kajian Shah Alam. Perubahan undi di Shah Alam adalah amat ketara sekali.

3.5 Barisan Alternatif

Barisan Alternatif (BA) merupakan gabungan parti pembangkang yang diwujudkan pada tahun 1999 akibat perkembangan-perkembangan politik yang terjadi selepas peristiwa September 1998. Ia dibentuk mengikut contoh kepelbagaiannya parti yang terdapat pada Barisan Nasional (BN). Dengan penubuhannya, struktur politik negara turut berubah kerana mempunyai dua parti gabungan atau seolah-olah dua parti utama yang masing-masing melibatkan dan mewakili rakyat berbilang kaum secara umumnya. Ia membayangkan kemunculan sistem dwi-parti di Malaysia sekiranya BA dapat bertahan lama.

Kelahiran BA adalah berikutan beberapa tindakan yang dicetuskan sejak lewat 1998 oleh anggota-anggota masyarakat yang bangkit menentang pemerintah dan tindak-tanduknya berhubung isu-isu yang hangat ketika itu seperti dakwaan berlaku rasuah, kronisme dan nepotisme⁵⁷. Bagaimanapun kemuncak

⁵⁷ - Isu ini hangat dibincangkan selepas diungkitkan oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Zahid Hamidi dalam Kongres Pemantapan Ekonomi Negara anjuran Pemuda UMNO Malaysia dan sekali lagi dalam Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO pada 18 Jun 1998. www.utusanonline.com 7 Jun 1998,dan 18 Jun 1998 (diakses pada Disember 2002)

kepada isu-isu ini ialah pemecatan Timbalan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim daripada kerajaan pada 2 September 1998 dan UMNO pada hari berikutnya.

Ekoran kebangkitan rakyat yang meluahkan perasaan tidak puas hati dengan cara beliau dipecat dan dilayan, beberapa gerakan tidak formal terutama apa yang digelar gerakan reformasi yang dilancarkan sendiri oleh Anwar telah muncul. Pada masa yang sama GERAK (Majlis Gerakan Keadilan Rakyat) ditubuhkan oleh PAS dengan penyertaan daripada parti pembangkang lain iaitu DAP dan PRM serta badan-badan bukan kerajaan. Serentak dengan kemunculan GERAK sebuah lagi badan tidak formal iaitu Gagasan(Gabungan untuk Demokrasi Rakyat) yang ditaja bersama oleh DAP dan PAS dan disertai PRM serta badan-badan bukan kerajaan telah diwujudkan (Syed Ahmad Hussein,1999:20).

Salah sebuah badan bukan kerajaan yang didukung oleh aktivis reformasi ialah Gerakan Untuk Keadilan Sosial (ADIL). Badan ini telah dilancarkan oleh Dr Wan Azizah Ismail (Syed Ahmad Hussein,1999:20), isteri Anwar, pada penghujung 1998. Namun keperluan untuk mewujudkan sebuah parti politik bagi mewakili golongan reformis yang ketika itu bergerak dalam beberapa badan bukan kerajaan dan sebagai satu gerakan yang tidak mempunyai struktur dan organisasi yang jelas mula dirasakan. Ia menghasilkan penubuhan Parti Keadilan Nasional (PKN), pada April 1999. Sekali lagi Wan Azizah dipilih menjadi ketuanya. PKN mengambil pendekatan parti pelbagai kaum sebagai landasan perjuangannya.

Melihat kepada perkembangan-perkembangan politik ketika itu dan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat terutama orang Melayu, parti-parti pembangkang telah mengambil langkah untuk mewujudkan satu pakatan pelbagai parti dengan sama-sama berusaha untuk mengembalikan apa yang dikatakan mereka

sebagai ‘keadilan’ dan ‘demokrasi’. PAS merupakan antara parti yang mendepani gagasan ini (Syed Ahmad Hussein,1999:21). Hasilnya, mulai pertengahan tahun 1999, satu pakatan dinamakan Barisan Alternatif (BA) melibatkan PAS, DAP, PRM dan PKN telah mula kelihatan terbentuk (Syed Ahmad Hussein,1999:21).

Langkah demi langkah diambil BA bagi memantapkan kerjasama antara ahli-ahlinya. Persetujuan dicapai untuk menjadikan pilihan raya akan datang sebagai pertandingan satu lawan satu dengan BN⁵⁸. Pengagihan kawasan untuk ditandingi dilakukan oleh jawatankuasa teknikal yang dibentuk antara keempat-empat parti. BA juga telah membentangkan belanjawannya untuk negara tiga hari sebelum pembentangan belanjawan oleh Kerajaan di Dewan Rakyat (Syed Ahmad Hussein,1999:21).

BA telah menyertai pilihan raya 1999 dengan azam untuk membentuk sebuah kerajaan baru alternatif yang menjanjikan ‘demokrasi’ dan ‘keadilan’(Barisan Alternatif,1999:7-9) Dalam pilihan raya tersebut pembangkang memberikan saingan yang kuat terhadap BN. PAS khususnya muncul sebagai parti yang paling beruntung daripada pakatan tersebut. Pemerihalan keputusan pilihan raya telah di buat di atas (lihat halaman 173-178)

Namun hasrat PAS untuk menujuhkan sebuah negara Islam terus memberi kesan kepada permuafakatan ini. DAP menyalahkan pretasi buruknya dalam pilihan raya 1999 sebagai hasil kerjasama dengan PAS (Mohamad Abu Bakar, 2002:180) yang menyebabkan pengundi bukan Melayu menjauhinya malah pemimpin-pemimpin utamanya turut mengalami kekalahan. Walaupun terdapat

⁵⁸ - Barangkali ini lebih relevan di Semenanjung, tetapi sukar di Sabah dan Sarawak kerana kewujudan parti lain yang tidak bergabung dengan BA, misalnya sebuah parti pembangkang di Sabah iaitu Parti Bersatu Sabah (PBS). PBS sendiri telah menyertai BN pada tahun 2003

pihak-pihak yang bersama BA mereka masih sangsi dengan PAS kerana agenda Negara Islamnya.⁵⁹

Pada pertengahan 2001 perbahasan mengenai Negara Islam kembali hangat setelah PAS membangkitkannya sebagai dasar perjuangannya. Ini telah menyebabkan DAP mengambil keputusan untuk keluar daripada pakatan BA. Secara rasminya DAP meninggalkan BA pada 13 September 2001 yang kebetulan hanya dua hari selepas terjadinya peristiwa 11 September di Amerika Syarikat yang membabitkan serangan oleh pengganas ke atas sasaran tertentu di negara tersebut.

Pengganas-pengganas tersebut sebagai beragama Islam dan mempunyai rangkaian antarabangsa untuk melakukan keganasan di tempat-tempat lain. Ekoran serangan 11 September persepsi dunia terhadap orang Islam dan lebih-lebih lagi golongan Islamis mula berubah dan di kalangan bukan Islam di negara ini ia menimbulkan kesangsian terhadap kumpulan, gerakan atau parti Islam. Kesannya turut dirasai oleh BA.

Pada awal 2003, pemangku Presiden PAS telah mengemukakan cadangan bahawa kerajaan yang bakal dibentuk di peringkat persekutuan merupakan kerajaan BA manakala di negeri-negeri ia akan dipimpin oleh parti yang mendapat majoriti kerusi dari kalangan parti-parti BA (*Harakah*, 16-31 Januari 2003:1)⁶⁰. Meskipun demikian perincian mengenai cadangan ini belum lagi dibuat.

Masa depan BA agak sukar hendak ditentukan. Hwang (2002) mendapati bahawa terdapat beberapa isu yang perlu ditangani oleh BA sama ada

59 - Lihat umpamanya Tate "The Role of the Opposition" *Aliran Monthly*, 2003, 23,1, (26- 27)

60 - Susulan kepada kenyataan ini ialah satu lagi jaminan oleh pemimpin tersebut bahawa PAS akan patuh pada Manifesto Bersama 1999 sebagai asas untuk membentuk jenis kerajaan Persekutuan, walaupun negeri Kelantan dan Terengganu akan menjadi model pemerintahan Islam. Lihat *The Sun*, 10 Julai 2003 dan *Harakah* 16-31 Julai 2003

secara bersendirian oleh parti-parti di dalamnya ataupun secara bersama. Antaranya ialah memerlukan penyediaan program-program alternatif agar pengundi yakin dengan pembangkang pada masa-masa akan datang.

3.6 Kesimpulan

Persoalan politik orang Melayu tidak dapat dipisahkan daripada peranan dua parti politik Melayu terbesar - UMNO dan PAS. Parti-parti serpihan yang lahir daripada kedua-dua parti tersebut tidak bertahan lama.

Sejarah politik Melayu dapat dikesan sejak daripada zaman kesultanan Melaka dan pengumpulan maklumat politik dalam kitab *Sejarah Melayu* banyak membantu untuk memahami asas pemikiran politik masyarakat Melayu. Perkembangan politik turut diwarnai pengaruh luar seperti dalam kes gerakan al-Islah. Politik selepas kemerdekaan menyaksikan kelahiran beberapa parti politik yang merupakan kristialisasi gerakan atau aliran politik yang wujud pada zaman penjajahan.

Sejak kemerdekaan pula UMNO sebagai parti utama dalam Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional, muncul sebagai parti yang menguasai pengaruh di kalangan orang Melayu walaupun sentiasa disaingi PAS. Walaupun pernah digugat pada pilihan raya -pilihan raya di era awal selepas kemerdekaan kemerosotan sokongan terhadap UMNO paling ketara pada pilihan raya umum 1999.

Bagi menjawab persoalan kenapa keadaan ini terjadi kajian ini mencadangkan supaya budaya politik orang Melayu yang dimanifestasi melalui nilai-nilai mereka dirujuk. Penelitian penulisan dan kajian mengenai politik orang Melayu